



**TEMUBUAL SEJARAH LISAN MENGENAI SEJARAH KAMPUNG GUDANG GARAM
SEGAMAT JOHOR**

BERSAMA TUAN HAJI MOHD SETH BIN MOHD YUSOF

DISEDIAKAN OLEH:

FARAH NUR IZZATY BINTI ZAIDI

NOR FARAH HANIM BINTI AHMAD FARHIZ

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA:

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, CAWANGAN JOHOR, KAMPUS SEGAMAT

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS

DOKUMENTASI SEJARAH LISAN - IMR 604

SEMESTER 05 (SEPT 2017-JAN 2018)

ISI KANDUNGAN

NO.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	PENGHARGAAN	i
2.	ABSTRAK	1
3.	SINGKATAN KATA	2
4.	BIODATA PENULIS	3 – 4
5.	Pengenalan	5 – 7
6.	TRANSKRIP WAWANCARA	8 – 58
7.	LOG WAWANCARA	59 – 63
8.	KRONOLOGI	64 – 66
9.	BIODATA PENGKISAH	67
10.	SENARAI SOALAN	68 – 71
11.	RALAT	72
12.	RUMUSAN	73 – 74
13.	SENARAI RUJUKAN	75
14.	LAMPIRAN	76 – 78
15.	INDEKS	79 - 83

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillah. Pertama sekali, syukur yang tidak terhingga kami panjatkan kepada Allah S.W.T yang telah memberikan rahmat dan kesihatan yang baik kepada kami dan dengan izin-Nya juga kami dapat menyiapkan tugas berkenaan penulisan transkrip IMR 604- Pendokumentasian Sejarah Lisan yang diberikan dengan jayanya pada masa yang telah ditetapkan. Kami juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah subjek IMR-604 Dokumentasi Sejarah Lisan iaitu Encik Zul-Azmi Bin Ishak yang begitu sabar mengejar kami sepanjang semester lima ini. Beliau telah memberikan banyak tunjuk ajar, galakan serta maklumat kepada kami bagi menyiapkan tugas ini. Tidak dilupakan juga, disini kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa kami yang telah banyak memberikan sokongan moral, doa dan nasihat yang tidak putus-putus dari jauh. Setinggi-tinggi penghargaan ingin kami tujukan kepada Encik Mohd Haji Seth Bin Yusof yang menjadi pengkisah dalam skrip kami. Ini kerana, beliau telah memberikan maklumat dan kerjasama yang begitu baik sekali kepada kami semasa temuduga sekaligus memenuhi keperluan subjek ini. Sesungguhnya kami sangat menghargai jasa beliau dalam membantu kami menyiapkan tugas. Akhir sekali, sekali lagi kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah, rakan-rakan dan semua yang telah terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu kami. Allah taala sahaja yang dapat membalas jasa anda sekalian.

Terima Kasih.

ABSTRAK

1.0 ABSTRAK

Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Haji Seth Bin Haji Muhammad Yusof mengenai sejarah Kampung Gudang Garam dan sedikit sebanyak maklumat mengenai diri dan keluarga Encik Haji Seth sebagai penduduk asal Kampung Gudang Garam. Transkrip temubual ini dijalankan di sebuah Masjid Kampung Gudang Garam. Disamping itu, transkrip ini juga menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau sebagai anak jati Kampung Gudang Garam, malahan dari segi sejarah yang berkisar disini juga turut disentuh dan ternyata sejarah di Kampung Gudang Garam ini banyak yang menarik dengan pelbagai aktiviti yang dijalankan.

Kata Kunci : Kampung Gudang Garam, Masjid Kampung Gudang Garam, TokTenang, Malim Deman, Tok Mera.

SINGKATAN KATA

2.0 SINGKATAN KATA

NO	SINGKATAN	MAKSUD
1	AJK	Ahli Jawatan Kuasa
2	ET	Extra Terrestrial
3	ITM	Institut Teknologi Mara
4	MARA	Majlis Amanah Rakyat
5	MCE	Malaysian Certificate of Education
6	MDEC	Malaysia Digital Economy Corporation
7	NGO	Non Government Organization
8	NPCM	National Productivity Center Malaysia
9	OKU	Orang Kurang Upaya
10	PPRT	Projek Perumahan Rakyat Miskin Tegar
11	UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia

BIODATA PENULIS

3.0 BIODATA PENULIS



Nama: Farah Nur Izzaty Binti Zaidi
No ID UiTM: 2016667974
Tarikh Lahir: 30 Julai 1994
No.Tel: 013-4342210
Alamat Rumah: 44 Jalan Murni 1 Taman Murni 34200,
Parit Buntar, Perak Darul Ridzuan.



Nama : Nor Farah Hanim Binti Ahmad Farhiz
No ID UiTM: 2016667954
Tarikh Lahir: 1 September 1995
No. Tel: 013-4327200
Alamat Rumah: No.1186 Lorong Kenari Biru 4, Taman Pknk
05200 Alor Star, Kedah Darul Aman.

PENGENALAN

4.0 PENGENALAN

4.1 Objektif kajian

- Mengetahui serba sedikit sejarah mengenai Kampung Gudang Garam, Segamat.
- Mengenal dengan lebih dekat individu-individu yang merupakan orang penting di dalam sesebuah kampung.
- Mendapatkan gambaran tentang penempatan di Kam Kampung Gudang Garam.

4.2 Kaedah kajian

Antara kaedah yang kami gunakan dalam melaksanakan temubual bersama wakil Kampung Gudang Garam iaitu penduduk asal adalah seperti berikut:

- ✓ Kami melakukan pencarian maklumat mengenai kampung.
- ✓ Kami juga mencari wakil kampung di sekitar perkampungan Gudang Garam, untuk mengenal pasti individu yang boleh membantu kami dalam penceritaan sejarah disini
- ✓ Kami telah membuat rujukan bersama pensyarah berkaitan langkah-langkah serta nasihat dalam menjalankan kajian temubual bersama wakil kampung iaitu penduduk asal kampung Gudang Garam.

Kami juga melakukan beberapa sesi pertemuan bersama Encik Seth untuk sesi suai kenal, mengenai kampung, sekilas cerita menarik yang terdapat di kampung Gudang Garam ini. Disamping itu, sesi rasmi rakaman kami telah dilakukan di Masjid Gudang Garam.

4.3 Sejarah Kampung Gudang Garam

Gudang Garam adalah satu nama yang agak menarik dan pastinya kita akan teringat pada rokok keretek buatan seberang iaitu Indonesia yang termashyur. Pun begitu, kampung ini sama sekali tidak ada kaitan dengan pembuatan rokok tersebut. Terciptanya nama Gudang Garam adalah dari pelbagai cerita yang berbeza. Cerita yang pertama ianya dikatakan dinamakan oleh segolongan pemburu sementara manakala cerita yang kedua adalah berkait rapat dengan kisah Raja Malim Deman. Walaubagaimana pun, kedua-dua cerita ini membawa kepada persetujuan tentang wujudnya tempat penyimpan garam.

Pada asalnya, kampung ini merupakan satu kawasan hutan. Kawasan hutan ini merupakan satu kawasan pemburuan bagi pemburu-pemburu yang suka memburu pelbagai binatang. Dahulu kawasan ini dipenuhi dengan pelbagai jenis binatang dan juga dipenuhi pohon-pohon kayu besar tetapi terdapat juga petempatan. Kebanyakan mereka tinggal di kawasan ini untuk menenangkan fikiran sambil melihat binatang yang ada di situ. Pada suatu hari, ada pemburu sedang memburu lalu terlihat ada binatang yang sedang menjilat tanah. Pemburu itu berasa amat pelik tetapi tetap meneruskan pemburuan. Apabila sampai ke tempat yang lain kejadian yang sama tetap berlaku.

Setelah membuat pemeriksaan, barulah pemburu-pemburu tersebut mengetahui bahawa tanah dikawasan itu adalah masin. Mereka berasa pelik dengan kejadian itu lantas bercerita kepada keluarga mereka. Dalam perjalanan pulang mereka telah menjumpai satu rumah kosong dan setelah diteliti di dalam rumah itu keihatan seperti gudang. Kewujudan sebuah rumah berbentuk gudang dan kawasan yang dikatakan menyimpan garam akhirnya mendorong pemburu-pemburu itu mengambil keputusan untuk menamakan kawasan berkenaan sebagai “Kampung Gudang Garam”.

Cerita yang lain pula adalah berkaitan dengan paya berombak yang terletak dipinggir kampung itu adalah merupakan sebuah kuala tempat kapal-kapal berlabuh. Di situlah dikatakan tempat di mana kapal Malim Deman tenggelam. Dikatakan, kapal itu membawa banyak harta. Pada zaman itu, tiang kapal layar Malim Deman yang tenggelam dapat dilihat dengan jelas dari pinggir Kampung Gudang Garam yang letaknya hampir dengan rumah Tok Minah seorang penglipur lara.

Dari kuala itulah dikatakan para pedagang mendarat membawa barang dagangan mereka. Ada pedagang yang membawa garam, dan dikatakan disimpan disuatu tempat di sebuah gaung di Kampung Gudang Garam sebelum dihantar ke destinasi yang memerlukannya. Garam yang disimpan situ banyak jumlahnya. Sebahagiannya, tertumpah ke tanah lantas menjadikan tanah sekitar tempat itu menjadi masin dan lazat pada tekak binatang.

Namun begitu, masa pun semakin berlalu dengan pantas, kuala itu menjadi semakin kering airnya. Tempat yang pada suatu ketika menjadi pengkalan untuk mengangkat garam ke darat tidak lagi boleh digunakan. Lantaran “gudang” tempat menyimpan barang itu tidak lagi berfungsi. Dipercayai bahawa nama Kampung Gudang Garam telah wujud sejak dari zaman Malim Deman lagi lantas terus digunakan oleh peneroka asal kampung itu sebagai namanya yang penuh bermakna.

**TRANSKRIP
WAWANCARA**

5.0 TRANSKRIP WAWANCARA

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan bersama Encik Haji Seth Bin Haji Mohd Yusof yang merupakan penduduk asal Kampung Gudang Garam, Segamat (bunyi ayam). Beliau seorang yang berwawasan tinggi dan mempunyai pelbagai perancangan untuk kemajuan dan kesejahteraan penduduk serta kampungnya. Rakaman ini dijalankan di Masjid Kampung Gudang Garam pada tujuh disember dua ribu tujuh belas (7.12.2017) bermula pada jam sembilan pagi. Wawancara ini dikendalikan oleh Farah Nur Izzaty Binti Zaidi (FI) (bunyi ayam) dan Nor Farah Hanim Binti Ahmad Farhiz (FH), Dengan segala hormatnya, kita mulakan sesi temu ramah ini. (bunyi penghawa dingin)

Farah Hanim: Selamat pagi encik (bunyi penghawa dingin).

Pak Syeikh: Ya. Selamat. (menganggukkan kepala) (bunyi penghawa dingin)

Farah Hanim: Assalammualaikum (bunyi penghawa dingin).

Pak Syeikh: Waalaikumussalam warahmatullah hiwabarakatuh.

(menganggukkan kepala) (bunyi penghawa dingin).

Farah Hanim: Boleh saya tahu apa nama penuh encik (bunyi penghawa dingin)?

Pak Syeikh: Nama penuh saya (bunyi ayam) ialah Haji Mohd Seth Bin Hj Mohd Yusof

(bunyi penghawa dingin) (bunyi burung).

Farah Hanim: Apakah nama gelaran encik yang boleh saya gunakan (bunyi penghawa dingin) ?

Pak Syeikh: Kebiasaannya saya di panggil Pak Syeikh (bunyi burung). Oleh para-para ... para peserta saya. Para peserta kursus yang mana saya mengendalikan. Yang mana saya menjadi fasilitator ataupun trainor [jurulatih] (bunyi penghawa dingin).

Farah Hanim: Berapakah umur Pak Syeikh (bunyi ayam) sekarang (bunyi penghawa dingin)?

Pak Syeikh: Umur saya sekarang 59 tahun (bunyi penghawa dingin).

Farah Hanim: Aa tahun bilakah Pak Syeikh dilahirkan (bunyi penghawa dingin)?

Pak Syeikh: Saya dilahirkan pada tujuh (7) hari bulan Mei sembilan belas lima puluh lapan (1958) (bunyi penghawa dingin).

Farah Hanim: Aa dimanakah (bunyi burung) tempat kelahiran Pak Syeikh (bunyi penghawa dingin)?

Pak Syeikh: Tempat kelahiran saya ialah di Kampung Gudang Garam (bunyi burung). Lebih tepatnya kat [dekat] di kawasan Kampung Tanjung Melintang iaitu (bunyi ayam) sebahagian daripada Kampung Gudang Garam. Ya. Sebenarnya yang dikenali umum sebagai Kampung Gudang Garam ataupun Gemereh satu (1), adalah gabungan tiga (3) kampung iaitu Kampung Gudang Garam, Kampung Tanjung Melintang, dan Kampung Semak Rantau (bunyi motorsikal) (bunyi penghawa dingin).

Farah Hanim: Um siapakah nama isteri Pak Syeikh (bunyi ayam) (bunyi penghawa dingin)?

Pak Syeikh: (Bunyi bernafas) Nama isteri saya ialah Hajah Hamidah Binti Haji Abdul Aziz (bunyi penghawa dingin).

Farah Hanim: Berapakah umur isteri Pak Syeikh (bunyi penghawa dingin)?

Pak Syeikh: Umur isteri saya sebaya dengan saya. 59 tahun. Malah beliau ni [ini] adalah aaa kawan sekelas saya. Masa sekolah dulu (bunyi ayam) (bunyi penghawa dingin).

Farah Hanim: Apakah kerjaya isteri Pak Syeikh (bunyi penghawa dingin)?

Pak Syeikh: Isteri saya adalah seorang guru (bunyi burung). Sudah pun bersara. Dia bersara atas jawatan guru besar (bunyi penghawa dingin).

Farah Hanim: Aaa isteri Pak Syeikh juga berasal daripada Kampung Gudang Garam (bunyi penghawa dingin)?

Pak Syeikh: Tidak (bunyi burung). Isteri saya, keluarga beliau berasal dari Johor Bahru. Kemudian aa berpindah ke aa Batu Pahat. Kemudian baru duduk di Segamat. Hmm (menganggukkan kepala) (bunyi penghawa dingin).

Farah Hanim: Emm pada tahun bilakah Pak Syeikh (bunyi ayam) berkahwin dengan isteri Pak Syeikh (bunyi penghawa dingin)?

Pak Syeikh : Aaa (berfikir) saya berkahwin isteri saya tahun (bunyi ayam) sembilan belas lapan puluh dua (1982) (mengingati), sembilan belas lapan puluh dua (1982) (bunyi penghawa dingin).

Farah Hanim: Em bilangan cahaya mata Pak Syeikh (bunyi penghawa dingin)?

Pak Syeikh: (Berfikir) (bunyi ayam) (bunyi burung) Aaa anak-anak saya ada tiga orang. Yang sulung lelaki. Nama. Nama beliau ialah Shad Faizuli. Yang kedua perempuan Shamimi Farhana. Dan yang ketiga lelaki. Mohd Shafiq Fayyadh (bunyi penghawa dingin).

Farah Hanim: Aa adakah mereka masih belajar ataupun sudah pun bekerja (bunyi penghawa dingin)?

Pak Syeikh: Anak sulung saya sudah pun bekerja (bunyi burung). Sekarang beliau dan keluarga menetap di Melbourne, Australia (bunyi kertas). Anak perempuan saya yang kedua itu tidak bekerja. Ada dirumah, tinggal bersama kami. Anak saya yang bongsu (bunyi ayam) sudah bekerja pun aa di Kuala Lumpur (bunyi penghawa dingin).

Farah Hanim: Em siapakah nama ibu dan bapa Pak Syeikh (bunyi penghawa dingin)?

Pak Syeikh: Ibu saya aaa bernama Hajah Halimah Binti Haji Osman ... beliau ni [ini] adalah anak kedua dari lima adik beradik seibu sebapak [bapa] (bunyi burung) (bunyi penghawa dingin).

Farah Hanim: Em mereka juga berasal daripada mana (bunyi penghawa dingin)?

Pak Syeikh: Oh saya terlupa (bunyi burung) ... bapa., bapa (ulangan). Nama bapa. Nama bapa saya (bunyi ayam) Mohamad Yusof Bin Arshad. Beliau adalah anak ke lima belas (15) dari dua puluh dua (22) adik-beradik satu (1) bapa dan satu (1) adik beradik satu (1) ibu (bunyi penghawa dingin).

Farah Hanim: Saya ulang balik [semula] soalan yang tadi [sebentar] tu [itu] aaa (bunyi penghawa dingin).

Pak Syeikh: Ya (mengangguk kepala).

Farah Hanim: Dimanakah asal ibu bapa Pak Syeikh (bunyi tembakan) (bunyi burung)?

Pak Syeikh: Ibu bapa. Bapa saya. Bapa saya lahir di Kampung Gudang Garam. Ibu saya lahir di (berfikir) Kampung Batu Mentaus (bunyi burung). Tetapi, ibu saya sudah pindah sini bersama dengan bapanya ketika dia masih kecil lagi haa (bunyi penghawa dingin).

Farah Hanim: Adakah kedua ibu bapa Pak Syeikh merupakan penduduk asal Kampung Gudang Garam jugak [juga] (bunyi penghawa dingin) ?

Pak Syeikh: Iya [ya]. Sebenarnya, kalau sebenarnya, kalau bergantung kepada takrifan penduduk asal ya, begini. Kalau bapa saya, beliau anak jati. Maknanya anak kelahiran kampung ini. Yang meneroka ialah bapa beliau (bunyi burung). Maknanya atuk saya. Dan sama jugaklah [juga] macam ibu saya. Walaupun dia lahir di luar, di Kampung Batu Mentaus, tetapi beliau memang duduk sini sejak daripada kecil. Sejak kecil. Ia kita boleh anggap mereka ni [ini] penduduk asal disini. Hmm (mengangguk) (bunyi penghawa dingin).

Farah Hanim: Boleh saya tahu aa siapakah nama datuk dan nenek Pak Syeikh (bunyi penghawa dingin) ?

Pak Syeikh: Aaa (berfikir) (bunyi kertas) Datuk saya sebelah bapa, namanya Arshad Bin Haji Ahmad aaa dan isteri beliau, disini kita panggil nenek tau [tahu]. Hmm (Farah Hanim mencelah) Isteri beliau bernama Genal Binti Achil. Itu sebelah bapa. Kalau sebelah ibu saya, bapa beliau bernama Haji Osman Bin Haji Musa @ [alias] Wan Mahad. Aaa Haji Musa tu [itu] nama sebenarnya Wan Mahad. Aaa ibu beliau, Hajah Senot Binti Haji Abdullah (bunyi penghawa dingin).

Farah Hanim: Adakah aa datuk dan nenek pak cik, Pak Seth jugak [juga] merupakan anak jati Kampung Gudang Garam (bunyi penghawa dingin)?

Pak Syeikh: Aaa tidak. Mereka ini dari --- Contohnya, datuk saya sebelah bapa keluarga beliau asalnya di --- duduk (bunyi ayam) di Kampung Batu Badak. Kampung Batu Badak. Aa kalau sebelah ibu, aa asalnya di Kampung Batu Mentaus tadi. Ha, begitu. Tapi mereka meneroka ke mari tu [itu].

Farah Hanim: Aaa adakah Pak Syeikh mempunyai darah campuran (bunyi ayam) (bunyi penghawa dingin)?

Pak Syeikh: Daripada segi nih [ini], sebenarnya saya (ketawa kecil) telah membuat kajian yang agak lama. Agak lama. Untuk mengetahui susur galur keluarga saya. Aaa dan saya sampai berjumpa (bunyi ayam) pakar-pakar rujuk keluarga untuk mengetahui kisah bagaimana kedatangannya leluhur lah, maknanya nenek moyang ke mari. Dan adakah mereka mempunyai darah campuran dan sebagainya. Aaa secara ringkasnya (bunyi ayam), saya jawab aa iya [ya]. Memang saya ada darah campuran iaitu, yang paling jelas, aa Bugis ada, darah Minang ada, darah Arab pun ada, ha (bunyi penghawa dingin).

Farah Hanim: Aa boleh saya tahu, berapakah bilangan adik-beradik Pak Syeikh (bunyi penghawa dingin)?

Pak Syeikh: (bunyi kertas) (bunyi bernafas) Adik-beradik saya termasuk saya lah ya, lapan orang. Saya sebenarnya anak yang ke tujuh. Ya. Jadi saya sebutkan nama-nama adik-beradik saya ya. Yang sulung (1), Hajah Hamsarah (bunyi kertas). Yang kedua (2), Hjah Hindon (bunyi kertas). Yang ketiga (3), Haji Zakaria. Yang keempat (4) (bunyi kertas), Rokiah. Ini meninggal umur lapan belas tahun (18). Yang kelima (5), Azizah. Juga meninggal masa kecil. Yang keenam (6), Ibrahim (bunyi ayam). Meninggal jugak [juga] masa kecil. Kemudian saya yang ketujuh, Haji Mohamad Seth. Dan yang kelapan (8), adik saya, Azhar, Azhar. (bunyi penghawa dingin) .

Farah Hanim: Adakah pakcik, Pak Syeikh aa merupakan anak jati Kampung Gudang Garam (bunyi penghawa dingin)?

Pak Syeikh: Aaa (menganggukkan kepala) Saya sebenarnya dilahirkan disini. Aa bapa saya pun dilahirkan disini. Jadi saya anggap diri saya anak jati disini. Anak jati Gudang Garam (bunyi penghawa dingin).

Farah Hanim: Aa berapa lame [lama] Pak Syeikh menetap di Kampung Gudang Garam (bunyi penghawa dingin)?

Pak Syeikh: Saya sebenarnya menetap disini aaa sejak daripada lahir sampailah (berfikir) aa saya di tingkatan enam. Di tingkatan enam rendah sains. Aa maknanya, berapa tahun tu (berfikir) aaa lapan belas (18) tahun, lapan belas (18) tahun lebih kurang. Aa kemudiannya saya, barulah saya (ketawa kecil) menyambung pelajaran saya ke ITM [Institut Teknologi Mara] Shah Alam. Jadi saya tidak duduk di sini setiap hari lah. Sekali, sekali saja [sahaja] pulang ke kampung. Begitu, ya (bunyi penghawa dingin).

Farah Hanim: Bagaimanakah keadaan kampung itu pada ketika pak cik berada di Gudang Garam (bunyi penghawa dingin)?

Pak Syeikh: Keadaan kampung (keadaan asal) semasa kecil, semasa saya kecil sampai saya maknanya sambung belajar lah, (bunyi kertas) keluar daripada kampung ya. Sebenarnya ketika (bunyi tembakan) tu [itu], seingat saya lah kampung ni [ini] jalan, jalan raya dia, jalan tanah merah. Tanah merah. Batu kerikil orang panggil. Batu kerikil. Kalau hujan memang lecah lah. Bekalan, bekalan air tahun (berfikir) (bunyi kertas) ketika saya sekolah menengah, bekalan air baru ada. Sekolah menengah, maknanya sekitar tahun sembilan belas enam puluh sembilan (1969) begitu. Baru ada bekalan air. Ketika saya mengambil kertas MCE [Malaysian Certificate of Education], tingkatan 5 ya, MCE [Malaysian Certificate of Education], ketika tu [itu] bekalan elektrik belum masuk (bunyi kertas) aa lagi di kampung ni [ini] (bunyi kertas) (bunyi bernafas). (berfikir) Aaa maknanya, pada sayalah, pada ketika itu walaupun saya, aa ialah maknanya belajar. Masatu [masa itu] kita tak dapat bezakan sebab keadaan memang dah begitu ya. Saya ingat masa saya baca buku pun dulu, study [belajar] untuk nak exam [peperiksaan], pakai pelita minyak tanah. Ha, jadi kemudahan - kemudahan yang apa yang ada infrastructure [infrastruktur] yang ada pada ketika itu pada saya adalah minimal lah. Adalah minimal. Tetapi kita tidak merasakan ke kekurangan tu [itu] sebab rata-rata pada ketika itu masyarakat, maknanya kemudahan infrastruktur yang ada tempat lain pun, lebih kurang serupa aa. Aaa yang saya nampaklah bezanya ialah apabila saya mula menuntut di ITM [Institut Teknologi Mara]. Bila saya balik masatu [masa itu] aa bekalan elektrik pun dah masuk dan kemudiannya jalan ni [ini] di tar dengan apa di lepa [diturap] dengan tar (bunyi cicak). Jadi, lebih memudahkan kita lah ya untuk keluar masuk kampung dah (mengangguk kepala) (bunyi penghawa dingin).

Farah Izzaty: Seterusnya tentang kerjaya pakcik. Pak syeikh, apakah status pekerjaan Pak Syeikh sekarang (bunyi penghawa dingin)?

Pak Syeikh: (bunyi kertas) OK, saya sekarang nih [ini], kalau sekarang lah, boleh lah saya nih [ini] (bunyi kertas) dikatakan sebagai pesara walaupun saya tidak ada pension [pencen]. Tak pencen. Saya tak pencen. Aaa err (berfikir) status terakhir kerjaya saya ialah sebagai fasilitator ataupun trainor [jurulatih] ataupun motivator secara freelance [bebas]. Yang ni, lantikan di Majlis Amanah Rakyat. Aaa tetapi sejak tahun dua ribu empat belas (2014), saya sudah tidak aktif atas pilihan sendiri hmm (mengangguk kepala) (bunyi penghawa dingin).

Farah Izzaty: Jadi, apakah kerjaya sebenar Pak Syeikh pada ketika ini (bunyi penghawa dingin)?

Pak Syeikh: OK. Saya sebenarnya sekarang nih [ini] saya cuma berkebun je [sahaja]. Aaa berkebun dan saya terlibatlah dalam aktiviti seharian. Macam contohnya, menjadi pembantu imam di surau Berata. Begitulah, ye. Sudah tidak , sudah tidak aktif lagi. Dulu saya memang keluar, jarang berada di rumah hmm (bunyi penghawa dingin).

Farah Izzaty: Em, menurut pembacaan saya, saya dapati Pak Syeikh pernah melibatkan diri dalam bidang penulisan. (Pak Syeikh mencelah). Jadi, bagaimanakah Pak Syeikh mula menceburi bidang penulisan (bunyi penghawa dingin)?

Pak Syeikh: Haa OK (bunyi kertas). Em (berfikir) saya rasa lebih baik saya ceritakan daripada awal lah supaya nampak macam mana saya boleh masuk ke bidang itu ya. Mungkin saya nih [ini] adalah seorang yang kreatif. Aaa orang seni lah. Biarlah saya beri gambaran awal (bunyi kertas) mengapa saya terfikir untuk menulis buku. Ketika saya di tingkatan dua, saya sebenarnya (bunyi ayam) sudah bekerja sambilan iaitu menjadi ilustrator [illustrator] untuk buku-buku teks terbitan Malaysia Press. Dan buku-buku

(bunyi kertas) itu diedit [sunting] dan disusun atur oleh (bunyi ayam) Tai Kuang Book Store Segamat (bunyi motorsikal) ye. Kerja saya ialah melukis gambar untuk bahagian-bahagian buku yang bergambar dan saya dibayar upah sebaik saja hasil kerja saya dihantar dengan tangan kepada pengurus Tai Kuang pada ketika itu. Semasa tingkatan tiga (bunyi ayam) pulak [pula], saya telah menulis dan melukis komik saya. Komik saya yang pertama judul dia “Keris Sakti Si Manjakini” (ketawa kecil). Masa tu tingkatan tiga, masa sekolah lagi masa tu [itu]. Komik. Ia adalah komik, sebuah komik pertarungan lah. Ia diterbitkan oleh Centural Book Store Segamat. Kemudian saya diberikan tugas pulak (pula) untuk melukis kulit – kulit komik beberapa (bunyi ayam) pelukis komik yang lain. Tapi ketika peperiksaan MCE [Malaysian Certificate of Education] dah hampir, saya tumpukan pada pelajaran. Ha, OK? (bertanya kearah penemubual). Saya teruskan ya. Um itu gambaran awal dia lah. Maknanya the creative part of me [bahagian kreatif dalam diri saya]. Saya dapati saya boleh menulis dan saya boleh melukis dan saya anggap ini strong points [titik kekuatan] pada diri saya. Sebab saya fikir tak [tidak] semua orang yang menulis, boleh melukis dan tidak semua orang yang boleh melukis, boleh menulis. Aaa okey, itu yang maknanya awal-awal yang mengapa saya fikir saya boleh menulis sebab saya ada pengalaman ketika saya masih bersekolah lagi. OK. Nak saya teruskan lagi (bertanya kearah penemubual)? (Kedua-dua penemubual mengangguk setuju). OK (bunyi kertas). Aaa sebenarnya ramai yang mendorong saya ya selain daripada isteri, keluarga, kawan-kawan pun beri pelbagai komen (bunyi kertas) dan galakan yang positif ya. Ada yang sanggup jualkan buku (bunyi kertas) saya lah ketika saya berceramah. Ha ya. Sebenarnya karya saya, karya ... OK boleh, sebenarnya karya saya nih [ini] yang pertama, bukan novel. Bukan berbentuk novel. Ia adalah buku ilmiah ya. Tapi, (ketawa kecil) judul dia tu [itu] melambangkan ianya seolah-olah sebuah novel. Saya pernah berjumpa pensyarah saya di Universiti Kebangsaan dulu, (ketawa kecil) (bunyi ayam) bawakkan buku tu lepas tu [itu] dia kata pada saya, kenapa pilih tajuk macam nih [ini] dia kata. Saya kata sebab saya rasa ini yang lebih baik saya tunjuk dekat dia (bunyi motorsikal). Sebab orang melayu suka berkias saya kata. Dia tak suka direct-direct [terus] ha macam tu [itu]. Ya, itulah buku pertama saya dan buku itu sebenarnya merupakan buku best seller [jualan terbaik] saya (bunyi penghawa dingin).

Farah Izzaty: Boleh saya tahu apakah tajuk karya pertama Pak Pak Syeikh (bunyi penghawa dingin)?

Pak Syeikh: Ha ya, judulnya ialah 'Permata Yang Hilang' [The Lost Jewel]. Buku ini sebenarnya, aa banyak permintaan sebenarnya untuk diterjemahkan dalam pelbagai bahasa. Tetapi saya beritahu kepada penerbit saya, kalau nak terjemah dia kena buat sendiri jangan lepaskan ke luar (kepada orang luar). Kalau lepaskan, nanti kita tak dapat apa. Ha, itulah ya. Buku nih [ini] sebenarnya (berfikir) nama dia tu 'Permata Yang Hilang' (bunyi cicak) tapi sebenarnya dia adalah untuk suami isteri dan untuk mereka yang hendak mendirikan rumah tangga. Sebagai persediaan. Dan target [sasaran] group [kumpulan] saya adalah lelaki walaupun begitu, ramai juga anak-anak gadis dan isteri-isteri yang membeli. Aa membeli buku ini. OK ? (bertanya kepada penemubual) (kedua-dua penemubual mengangguk setuju) (bunyi penghawa dingin).

Farah Izzaty: OK. (bunyi kertas) apakah antara koleksi penulisan Pak Syeikh (bunyi penghawa dingin)?

Pak Syeikh: Saya sebenarnya, saya menulis banyak buku (bunyi kertas). Banyak buku. Setakat ini saya (berdiri daripada kerusi untuk mengambil koleksi novel) telah menulis dan telah pun dipasarkan (bunyi motorsikal) ada tujuh belas (17) judul. Saya --- Judul dia, yang pertama (1) tadi 'Permata Yang Hilang'. Yang kedua (2) 'Mutiarra Taman Wangi'. Yang ketiga (3), 'Tongkat Nakhoda'. Yang keempat (4), 'Intan Istana Khalifah'. Yang kelima (5), 'Permata Gemilang'. Yang keenam (6), 'Menggali Telaga Emas'. Ini buku motivasi nih [ini]. Memang saya jual di kursus-kursus motivation [motivasi] aa. Yang keenam (6), 'Rahsia Sentuhan Emas'. Ini juga motivation [motivasi]. Lepas tu [itu] yang kelapan (8) ya, emm (Farah Izzaty mencelah) 'Bagaimana Orang Malas Boleh Jadi Kaya'. Yang kesembilan (9), 'Saudagar Minyak Urat', itu pun motivation [motivasi] tu. Yang kesepuluh (10), 'UFO Datang'. Yang kesebelas (11), 'Bercakap Dengan ET', [Extra Terrestrial] ET ya (bunyi ayam). Yang kedua belas (12), 'Koleksi Cerita Hantu'. Yang ketiga belas (13), 'Mengenal Lelaki'. Keempat belas (14), 'Mengenal Wanita'.kelima

belas (15), 'Misteri Paya Berombak' aa. Yang keenam belas (16), 'Pesona Cinta'. Yang ketujuh belas (17), 'Petua Pandai Wang' aa itulah tujuh, ketujuh belas buku yang saya sendiri tulis. Sebenarnya saya bukan (bangun dari kerusi dan mengambil bungkus plastik) ... sebenarnya saya bukan setakat menulis buku (bunyi plastik). Saya buat (bunyi ayam) type setting nya [jenis tetapan], layout [susun atur], graphic [grafik] dia, saya design [reka] dia punya cover [muka hadapan], dia punya kulit buku, dan sebelum saya hantar kepada publisher [penerbit], saya ada dia punya marketing plan [plan pemasaran]. Memang saya buat lengkap aa. Barulah saya hantar ke sana. Baru saya hantar kepada publisher [penerbit]. Selain daripada buku-buku yang saya tulis tu [itu], saya juga menjadi editor [penyunting], illustrator [illustrator], dan ... dan juga menguruskan kerja-kerja blue print [cetak biru] sebelum dicetak untuk buku-buku penulis-penulis lain ya. Contoh saya boleh beri sini, haa ini tajuk dia memilih perniagaan ya oleh Zarudin Yahya. Ini, dia ni [ini], Zarudin Yahya ni [ini] ialah Pegawai MARA [Majlis Amanah Rakyat] (bunyi kertas). Ini, adalah novel (menunjukkan novel kepada penemubual). Kahwin kontrak oleh Hanani Daud. Dia nih [ini] seorang cikgu. Haa . Seorang guru ya (bunyi menulis). Haa ini design [rekaan] semua nih [ini] saya yang buat. Cover [luaran] ni [ini], depan belakang ni [ini] semua saya yang buat. Ini, 'Misteri Dari Selatan', ni [ini] macam cerita hantu jugak lah [juga] Saya buat semua dia (bunyi kertas) punya haa --- layout [paparan] ni [ini]. Macam ni [ini], macam [ini] ya. Buku kecik (kecil) je. Ha, ini 'Adat Resam Melayu Segamat'. Haa ini oleh (berfikir) sebenarnya yang menulis nih [ini] sebenarnya dah [sudah] meninggal semasa saya menguruskan penerbitan dia ni [ini]. Cikgu Hassan. Cikgu Hassan Mohamad. Adat Resam Melayu Segamat. Ada dua buku yang saya (berfikir) yang untuk Segamat ni [ini] yang terkenal lah, yang terkenal. Yang pertama sebenarnya buku 'Segamat Sejarah Dan Mitos'. Haa itu sebenarnya saya jugak editor [penyunting] dia. Tapi ditulis oleh kawan saya. Arwah jugak [juga]. aa Engku Mohamad Zaman aa (bunyi kertas). Ini, buku 'Pengurusan Peruncitan' oleh Malik Nistam. Ini juga penceramah ya. Penceramah. Ini (bunyi kertas) adalah novel. 'Puntung Api Dipohon Nyireh' oleh Drs Ungku Mohd Zaman Tahir. Nama panel dia Perantau Hiba. Dah meninggal dah dia (bunyi kertas). Ini buku poem ya [sajak]. Dia cikgu nih [ini]. Cikgu Nordin Talib. Cikgu Nordin Talib, orang sini. Anak jati Kampung Gudang Garam. Cikgu Nordin. Ha, ini 'Pengurus Diri Dan Kerjaya Anda' (bunyi kertas). Ha ni [ini] oleh

Halim. Halim ni [ini] (menunjukkan buku-buku kepada penemubual) kawan saya di MARA [Majlis Amanah Rakyat] dulu. Yang ni [ini] ‘Usahawan Ekspres’ oleh Tuan Haji Ismail Karim. Beliau nih [ini] pegawai MARA [Majlis Amanah Rakyat] jugak [juga]. Jadi, ni [ini] trainor [pelatih] jugak [juga]. Jadi kita bantu dia daripada segi tolong terbitkan buku dia. Dan ini semua kita telah pasarkan lah kepada peserta – peserta kursus ya. OK (menganggukkan kepala)

FI : Em, berdasarkan semua koleksi yang pernah Pak Syeikh tulis, apakah genre pilihan yang selalunya menjadi pilihan Pak Syeikh ?

Pak Syeikh: Begini, aa bila saya menulis dulu, lepas tu [itu] kita mula memasarkan buku ‘Permata Yang Hilang’, saya dapati sambutan kepada buku yang berbentuk ilmu – ilmu melayu tradisional amat laris. Sebab dalam buku itu ada senaman melayu, ada seni – seni dia, cara bagaimana kita maknanya nak [hendak] melayan isteri dengan baik semua. Untuk mendapat zuriat yang baik dan sebagainya. Memang laris. Jadi, saya bersemangatlah (ketawa kecil) untuk teruskan genre --- Dia ilmiah sebenarnya, buku ilmiah. Tetapi berbentuk macam tradisional (bunyi burung). Pengetahuan ilmu, pengetahuan tradisional. Jadi saya teruskan pembacaan saya, saya baca banyak buku. Buku daripada (berfikir) apa yang tradisional. Cina, India, saya baca. Yang barat punya pun saya baca. Untuk menyediakan saya dengan pengetahuan untuk menulis lagi buku. Buku kedua saya ‘ Mutiara Taman Wangi’, yang focus [fokus] dia kepada wanita pulak [pula]. Bakal – bakal pengantin dan juga isteri lah. Itu pun sambutannya memang cukup menggalakkan (ketawa kecil) lah. Jadi saya tulis pulak ‘Tongkat Nakhoda’, ‘Intan Istana Khalifah’, ‘Permata Gemilang’. Haa, tetapi, aa saya rasa boleh saya maklumkan, mungkin buku saya ni [ini] terlampau laris (bunyi burung), saya pun tak tahu, kenapa. Jadi kita sudah pesan kepada mereka yang memasarkan, jangan dipasarkan di tempat yang macam terbuka. Kalau kedai tak pe [tidak mengapa], di kedai dipamerkan di tempat atas. Tapi nih [ini] sayangnya, dipamer tempat terbuka. Jadi budak-budak sekolah pun beli buku tu [itu]. Dia bukan kita punya target [sasaran]. Bukan target [sasaran] kita. Dan buku saya, lima daripada tujuh belas (17) (bunyi jam berdetik) buku saya di band [di batalkan] oleh

kerajaan. Tetapi, walaupun di band [di batalkan], diorang [mereka] tetap cari jugak [juga]. Malah, di kursus perkahwinan, kan diorang [mereka] sebelum berkahwin kan pergi kursus kan?. (bertanya kepada penemu ramah). Ustaz –ustaz yang mengajar tu [itu], recommend [menyarankan] peserta tu [itu] suruh cari buku ‘Permata Hilang’ lah, ‘Mutiarra Taman Wangi’, itu dia cerita dia. OK.

FI: Boleh saya tahu, mengapa sesetengah buku Pak Syeikh di band [di batalkan] oleh kerajaan?

PS: Aaa ketika itu saya (berfikir) saya pun berbincang dengan publisher [penerbit]. publisher [penerbit] saya. Umm dan dia pun berbincang jugak [juga] dengan --- Ketika tu [itu] dengan pihak atasan lah. Kerajaan. Kenapa di band [di batalkan] ya. Sebab buku-buku lain dipasaran lagi teruk. Lagi teruk lah. Kita nih [ini] maknanya, kita target kita masyarakat Islam. Dia kata begini, buku saya merujuk kepada kitab yang sebelum itu telah di band [di batalkan]. Antara rujukan lah misal contoh, saya boleh sebut lah, ‘Tajul Muluk’. Kitab ‘Tajul Muluk’ tu diorang [mereka] band [batalkan]. Kerajaan band [batalkan] dah [sudah] lama. Kita tak perasan, jadi kita tulis itu. Kalau kita tak [tidak] tulis mungkin selamat. Macam tu [itu] lah. Sebenarnya begitu je [sahaja] aa. Tapi dia tak de [tiada] jalani tindakan (bunyi cicak). Kerajaan tak jalankan apa-apa tindakan pun pada saya dan publisher [penerbit]. Dia cuma band [batalkan] je [sahaja]. Tapi sebagaimana saya kata tadi, selepas di band [di batalkan], jualan makin (bunyi kertas) (berfikir) Sebab panas ah. Orang, nih [ini] tentu panas nih [ini] buku ni [ini]. Haa, so diorang [mereka] cari ya.

FI: Setiap penulis pastinya mempunyai nama pena. Boleh saya tahu nama pena Pak Syeikh?

PS: Ha, OK. Saya sebenarnya ada dua nama pena. Nama pena yang paling kerap saya guna ialah Ibnu Yusof. Kemudian nama pena saya yang kedua ialah Hibatullah Yusof Al-Haj.

FI: Apakah sumber ilham Pak Syeikh dalam memperoleh (bunyi kertas) nama pena tersebut ?

PS: Ha, begini ya. (bunyi kertas) Kalau kita teliti, dua-dua nama pena saya tu [itu] ada pengaruh Islam pada dia ya. Macam Ibnu Yusof tu [itu] ertinya anak kepada Yusof. Saya pilih nama pena yang mudah ni [ini] kerana bapak [bapa] saya nama dia Yusof. Ha, jadi Ibnu Yusof, orang pun senang sebut ya. Bagi Hibatullah pulak [pula], ha yang ni [ini] ramai yang tak tahu. Sebenarnya Hibatullah tu [itu] adalah maksud kepada nama sebenar saya, Seth tu [itu]. Seth tu maksudnya Hibatullah. Aaa dari segi Arabnya. Sementara (bunyi motorsikal) Yusof Al Haj tu [itu], saya pilih Yusof lepas tu [selepas itu] sebut Al Haj pulak tu [pula itu] sebenarnya bukan bermaksud saya tetapi bermaksud bapa saya. Sebab bapa saya nih [ini] dia meninggal sebelum dia sempat naik haji. Jadi, kita upah haji jelah [sahaja]. Dia boleh dipanggil haji boleh, tak [tidak] panggil haji pun boleh. Jadi, Hibatullah Yusof Al Haj, orang ingat Hibatullah tu [itu] yang Al Haj, tapi sebenarnya tidak. Saya sebab ingatkan faktor bapak [bapa] saya tu [itu]. Dia meninggal umur 54 tahun, muda sangat. Hmm (menganggukkan kepala) OK.

FI: Aaa Darimanakah Pak Syeikh mendapat sumber inspirasi dalam setiap penulisan Pak Syeikh ?

PS: Aaa sebenarnya begini ya, soal ilham nih [ini] atau inspirasi nih [ini] adalah suatu yang saya rasa complex [rumit] untuk kita terangkan dalam bentuk kata-kata ya. Dia bergantung pada banyak situasi. Contohnya lah, ketika saya masih muda dulu, saya terdorong untuk tulis buku-buku yang menyentuh mengenai layanan intim suami isteri. Sebab masa tu [itu] saya pun dalam peringkat baru kahwin, nak [hendak] kahwin. Saya belajar dulu. Sebenarnya, saya belajar secara lisan ada guru saya. Ajar siap senaman, begitu begini. Macam-macam. Itu cerita dia lah. Ha, jadi, oleh kerana saya nih [ini] jenis --- Sebenarnya sejenis pengkaji saya. Tidak cukup saya belajar tu ja [itu sahaja]. Saya baca buku lagi, saya dalami lagi. Sebab kita interested [berminat] dalam bidang tu [itu]. So kita akan cari lagi, apa lagi. Bila saya dah dapat kumpulkan banyak sumber, masa itulah [itu] saya tulis. Awal – awalnya sebenarnya saya tulis buku ni [ini], saya tidak hantar kepada publisher [penerbit] (bunyi kertas) Saya cuma (berfikir) dulu awal-awal kita pakai apa, typewriter [mesin taip]. Pakai typewriter [mesin taip]. Pastu [selepas itu] kita fotostat, kita binding. Dia macam nih [ini] (memegang contoh kertas), kertas A4. Kita binding, tebal la juga kan, kita jual. Laku. Memang laris masa tu [itu]. Sebab pada ketika tu [itu] tak ade [tiada] bahan bacaan . Diorang [mereka] nak [hendak], nak tahu [hendak tahu] tapi bahan bacaan tak da [tiada]. Ha, begitulah. Itu ketika saya muda lah ya. Kemudian, apabila saya berkait kerjaya pula, saya sebagai trainor [pelatih], jadi saya ada --- Sebagai trainor [pelatih] kita ada semangat nak [hendak] tengok [lihat] bangsa kita maju. Daripada segi perniagaan, maju dari segi pelajaran, sebab itu yang saya belajar. Saya di train [di latih] daripada segi tu [itu]. Jadi, oleh kerana saya boleh tulis, ada banyak la datang tau [tahu] ilham tu [itu]. Haa ini boleh tulis, yang ini boleh tulis. Jadi saya begitu. Dan saya sebenarnya kenapa sampai 17 saya tulis. Sebab saya emm (berfikir) Perjanjian saya emm dengan publisher [penerbit] berbeza dengan perjanjian penulis-penulis lain dengan dia. Sebab saya nih [nih] walaupun, kalau kebiasaannya diorang [mereka] beri kita honorarium ataupun royalty [royalti], saya nih [ini] diberi royalty [royalti] tetapi monthly [bulanan]. Tak [tidak] tunggu buku tu [itu] habis. Fix monthly royalty [royalti bulanan yang tetap]. Jadi kita senanglah. Jadi kita boleh tumpukan kepada

penulisan. Buku saya siap je [sahaja], hantar, dia print [cetak]. Siap, hantar, print [cetak]. Itulah cerita dia. Jadi sebenarnya begini, ilham nih [ini] (bunyi cicak) mencurah-curah tu [itu] mungkin lah ketika kita berumur dalam lingkungan tiga puluh (30) tahun. Tiga puluh tiga (33) gitu [begitu]. Ketika tu [itu] memang. Kalau kita rujuk mana-mana pun dia kata itulah peringkat umur kita yang paling produktif. Aaa tiga puluh (30) tahun lah, sekitar tiga puluh (30) tahun ha. Awal. Early thirtdty [awal tiga puluhan (30)]. OK.

FI : Seterusnya (bunyi motorsikal) boleh Pak Syeikh ceritakan serba sedikit tentang latar belakang pendidikan Pak Syeikh? Dari peringkat sekolah hinggalah ke peringkat universiti.

PS: OK (menganggukkan kepala) Saya, pada tahun sembilan belas enam puluh lima (1965) hingga Sembilan belas tujuh puluh (1970), saya bersekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Temenggong Abdul Rahman, Segamat. Sekolah rendah ya. Kemudian saya masuk ke sekolah menengah. Sebenarnya sekolah menengah tu [itu] sebelah je [sahaja] sekolah tu [itu]. Sekolah rendah tu [itu]. Sebelah je [sahaja]. Iaitu tahun sembilan belas tujuh puluh satu (1971) hingga tujuh puluh enam (76) sekolah di Sekolah Tinggi Segamat ya. Hingga tingkatan enam (6) Sains rendah. Pada tahun tujuh puluh enam (76) itu sendiri, saya dapat tawaran untuk melanjutkan pelajaran ke ITM [Institut Teknologi Mara]. Masa tu [itu] saya tak [tidak] hendak. Saya tak [tidak] hendak teruskan tingkatan enam 6 Sains ni [ini]. Pada ketika itu, kita dengar pun track record [trek rekod] nya, tak [tidak] berapa baik lah. Maksudnya para-para pelajar Melayu di Sains. Jadi saya buat keputusan untuk masuk ke ITM [Institut Teknologi Mara]. Tahun tujuh puluh tujuh (77), sembilan belas tujuh puluh tujuh (1977) hingga 1980, saya ambik [ambil] --- Saya masuk ke School of Public Administration and Law [Pentadbiran Awam dan Perundangan]. School of Public Administration and Law [Pentadbiran Awam dan Perundangan]. Diploma in Public Administration [Diploma Pentadbiran Awam]. Em di ITM [Institut Teknologi Mara] Shah Alam. Masa tu [itu] seronok saya belajar. Walaupun penat lah, pasal [kerana] kita laki-laki [lelaki] kena [perlu] menapak. Dari kita duduk di luar kita menapak pergi, untuk pergi kuliah. Tapi kita suka ketika tu [itu]. OK, saya teruskan ya. Setelah saya grad dari

ITM [Institut Teknologi Mara], saya dapat --- Sebenarnya saya dapat beberapa tawaran kerja tetapi saya memilih Majlis Amanah Rakyat lah untuk bekerja. Saya bekerja daripada sembilan belas lapan puluh satu (1981) hingga sembilan belas lapan puluh enam (1986). Bekerja di Majlis Amanah Rakyat. Saya cerita secara ringkas je [sahaja], saya pernah bekerja di MARA Batu Pahat sebagai Pegawai MARA Daerah. Lepastu [selepas itu] di MARA Segamat. Lepastu [selepas itu] saya tukar ke MARA Johor Bahru. MARA Negeri Johor. Saya jadi pegawai pembimbing. Haa itu lah. Jawatan pegawai pembimbing tulah [itu] saya trainor [pembimbing] maknanya. Trainor [pembimbing]. Yang membuatkan saya buat tu [itu] sampailah saya sekarang dah tak buat lagi [sudah tidak buat lagi] (ketawa kecil) kerja tu [itu] ya. Pegawai pembimbing. OK. Lepas tu [itu] pada tahun sembilan belas lapan puluh tujuh (1987), saya mohon untuk masuk sambung belajar. Cuti belajar. Mohon kepada MARA, mohon kepada universiti. Saya dapat tawaran cuti belajar. Bergaji penuh. Umm haa sembilan belas lapan puluh tujuh (1987) hingga sembilan belas sembilan puluh (1990) ya. Saya masuk ke UKM. Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi dan saya keluar dengan Sarjana Muda Keupujian Pentadbiran Perniagaan. Saya double major [mempunyai dua major]. Saya ambik [ambil] marketing [pemasaran] jugak [juga]. OK, itu daripada segi itu. Tapi saya ingat saya kena [perlu] tambah sikit lagi, iaitu saya selain daripada orang kata akademik, aaa saya ada professional (gugup) macam kelayakan professional. Iaitu saya menghadiri latihan-latihan sebagai trainor [pelatih], fasilitator. Yang ini tak [tidak] ada pada ramai orang lain. Antara yang saya hadir ialah 'Training for Trainor', 'Floor Skills' and 'Sensitivity Training.' Dianjurkan oleh Techno --- Asia, Philipines. Tapi dia dianjurkan. Filipina yang anjur tapi dibuat kursus tu di Kuala Lumpur. Ni [ini] kursus-kursus bukan jangka panjang, jangka sederhana. 2 bulan tapi tak [tidak] sampailah bertahun. OK (bunyi kertas). Itu satu. Lepas tu [itu], 'Training for Trainor' anjuran NPC. National Productivity Center Malaysia. Lepas tu [itu], 'Advance Training for Trainors : Processing and Designing Skills India'. Professor Nagan Singh. Saya ingat lagi dia yang mengajar. Lepas tu [itu], Keushawanan Islam. Saya jugak [juga] ada menghadiri Keushawanan Islam tu [itu] daripada MDEC [Malaysia Digital Economy Corporation]. Ini, ini bukannya kursus biasa. Kursus ni [ini] untuk kita jadi trainor [pelatih]. Dia train [latih] kita untuk jadi trainor [pelatih]. OK, itu ja [sahaja].

FI: Jadi (batuk). Jadi apakah pekerjaan pertama yang dilakukan oleh Pak Syeikh selepas tamatnya pembelajaran ?

PS: Aah OK, yang tadi saya dah [sudah] cerita bahawa sebenarnya saya ni [ini] kalau ikutlah, bergantunglah pada takrifan apa yang kita takrifkan sebagai kerja ya. Saya sebenarnya dah bekerja ketika saya masih student [pelajar] lagi. Dan saya sudah jual lukisan masa saya sekolah lagi. Saya dah jual potret saya, dan sebagainya. Um, tapi kalau kerja yang mula-mula setelah saya sekolah eh, habis sekolah eh. Kerja yang mula-mula lepas saya habis sekolah. Kalau sekolah masa saya di ITM [Institut Teknologi Mara], umm (befikir) di ITM saya tidak buat lukisan ya. Masa sekolah dulu saya buat lukisan. Masa di ITM saya buat apa ?. Saya buat greeting card [kad ucapan]. Saya gunakan quality papers [kertas kualiti], kertas-kertas berkualiti tu [itu], pastu [selepas itu] kaligrafi. Saya guna kaligrafi tulisan tu [itu]. Diorang [mereka] hantar la poem [sajak] ke apa lepas tu [itu] dia dedicated to [ditujukan kepada] siapa. Jadi saya pun tulis jela [sahaja]. Lepastu [selepas itu] dia nak [hendak] suruh buh [letak] gambar dia. Aaa kita customize [ubah suai] untuk dia. Saya jual. Ketika tu [itu] sampai Sabahan student [pelajar Sabah] beli. Sampai dua belas ringgit (12) pun dia beli. Tapi banyak lah. Dia banyak. Lawa lah macam buku. Itu saya buat dan saya jual. Itu maknanya itu antarlal yang saya lepas sekolah la ya (batuk) (bunyi kertas). Macam nilah [ini], hobi saya nih [ini], saya ni [ini] macam kalau orang putih kata (batuk) “Jack of All Trades” macam tu [itu] (bunyi jam). Hobi saya secara ringkas ya, membaca, menulis, melukis, handicraft [krafttangan], mengukir, ukir badik semua tu [itu]. Kaligrafi. Saya juga sebenarnya ada hobi mengkaji. Tapi yang itu saya tak bawak (tidak bawa) apa kajian saya tu [itu]. Mencipta fonts [tulisan], computer fonts [tulisan komputer] saya ada buat. Banyak juga saya cipta computer fonts [tulisan komputer] dan saya dulu pernah ada portal sendiri. Mega Sutra portal saya. Tapi sekarang sudah tidak. Sudah tidak aa berfungsi lagi. Yaa (menganggukkan kepala).

FI: Aaa adakah Pak Syeikh pernah melibatkan diri dalam sebarang kegiatan sosial?

PS: Aha, (menganggukkan kepala) (bunyi kertas) Saya sebenarnya pernah ya (bunyi kertas). Haa sekejap. Saya pernah menjadi AJK [Ahli Jawatan Kuasa Segamat] Persatuan Penulis Johor kegiatan Segamat. Saya juga pernah menjadi (bunyi kertas) (bunyi cicak) Setiausaha Kehormat Program Komuniti Persatuan Sejarah Segamat. Persatuan Sejarah Segamat. Saya bekas penasihat Persatuan Penyewa Arkib MARA [Majlis Amanah Rakyat] Segamat. Itu yang ketiga ya. Aaa, saya juga bekas Penasihat Motivasi Belia 4B Cawangan Stesen. Itu yang keempat. Lepas tu [selepas itu] saya juga pernah menjadi Ahli Majlis Daerah Segamat selama empat (4) tahun. Aaa (berfikir), itulah ya kegiatan sosial saya lah (bunyi kertas) (Pak Syeikh memberi isyarat untuk memberhentikan temubual buat seketika).

FH: Rakaman ini diberhentikan seketika atas faktor kesihatan encik, Pak Syeikh dan akan bersambung seketika nanti.

FH: (bunyi kertas) Berikut adalah sambungan wawancara berkaitan sejarah dan mitos Kampung Gudang Garam. Aaa, boleh saya tahu tentang sejarah kewujudan awal Kampung Gudang Garam ?

PS: OK (menganggukkan kepala). Emm, Kampung Gudang Garam (bunyi motorsikal) atau Gemereh Satu (1) yang meliputi Kampung Gudang Garam, Kampung Semak Rantau, dan Kampung Tanjung Melintang dianggarkan mula wujud pada tahun lapan belas lapan puluh satu (1881) masihi. Iaitu selepas peristiwa Perang Saudara Jementah. Yang berlaku pada satu lapan tujuh sembilan (1879) masihi (bunyi kertas). Oleh kerana boleh dikatakan semua keluarga asal kampung ini bersusur galur ke Kampung Tenang, maka kita ambik kira bilakah Kampung Tenang dibuka. Dari sumber yang boleh dipercayai, nama Kampung Tenang sebenarnya sudah wujud sebelum ianya (bunyi kertas) within bracket [di dalam braket] dibuka dengan rasmi pada sembilan (9) Disember satu lapan kosong enam masihi (1806 masihi). Bersamaan dengan dua puluh dua (22) Ramadhan seribu dua

ratus dua puluh dua (1221) Hijrah. Tokoh yang within bracket [di dalam braket] membuka Kampung Tenang adalah seorang ulama yang digelar Tok Mat Arif yang kemudiannya diberi gelar Tok Tenang. OK (bunyi kertas). Kita sambung lagi ya? (bertanya kepada penemubual). Maka, dari sudut kronologi tahun, Kampung Gudang Garam wujud sekitar tujuh puluh lima (75) tahun setelah Kampung Tenang dibuka oleh Tok Tenang. Jika kita anggarkan satu (1) generasi adalah tiga puluh (30) tahun, maka Kampung -- Gudang Garam wujud di zaman cucu (bunyi jam elektronik berdetik) Tok Tenang. OK, saya sambung lagi (bunyi kertas). Menurut Mat Dom Bin Mat Isin, enam puluh dua (62) tahun, anak jati Kampung Gudang Garam, ada seorang lelaki berasal dari Pulau Jawa bernama Syawal. Beliau ni [ini] pernah ditangkap oleh Belanda. Beliau kemudiannya berhijrah ke Segamat, mudik Sungai Muar, mendarat di Jementah kemudian berjalan kaki melalui kawasan yang kemudiannya bernama Kampung Gudang Garam ni [ini]. Menuju Kampung Pogoh. Menurut beliau Kampung Gudang Garam pada ketika itu adalah hutan rimba. Haa tiada penghuni dia kata. Kisah Syawal merentas kampung ini, saya lah yang anggarkan dia berlaku pada tahun lapan belas tujuh puluh lima (1875) masihi. Jadi pada ketika itu, menurut Syawal, Gudang Garam tak da [tiada] penghuni. Hutan. Namun menurut Haji Zainal Bin Mat, tujuh puluh satu (71) tahun, dia ni [ini] mantan ketua Kampung Tahang Harimau, kampung sebelah aja [sahaja]. Pada tahun seribu lapan ratus lima puluh (1850) masihi, maknanya sebelum Syawal lalu tadi ya, datuk beliau bernama Tok Kecut atau Abdul Rahman bersama adiknya Hajah Som, yang ni [ini] emm, datuk perempuan kepada mantan hakim mahkamah syariah, Dato Haji Syakirin, telah meneroka sebahagian dari tanah di Kampung Tanjung Melintang haa. Ini bermakna Kampung Tanjung Melintang sudah berpenghuni. Sudah berpenghuni. Tapi mungkin tidak diketahui oleh Syawal tadi haa. Sebab beliau tidak lalu kat kawasan tu [dekat kawasan itu]. Sebab tengok hutan je [sahaja], dia tak [tidak] tahu belakang tu [itu] ada orang. Haa, macam itu ya. Aaa tapi, ini yang interesting part [bahagian menarik] nih [ini]. Sebenarnya ada satu orang perempuan yang bernama Tok Mera. Diorang [mereka] panggil, orang kampung dia panggil Tok Mera. Dia ni [ini] (bunyi kertas) satu tokoh yang misteri lah. Em, kerana sekarang nih [ini], tiada siapa yang tahu identity sebenar dia. Orang Cuma kenal dia sebagai Tok Mera. Tok Mera nih [ini] dikatakan menetap di rumahnya sebatang kara di Kampung Tanjung Melintang. Pernah terjumpa tajau. Tajau

ini adalah tempayan emas. Tempayan berisi harta karun di kawasan itu. Itu memang real story [cerita benar]. Dia jumpa. Dia jumpa harta karun. Dia meninggal dunia di kawasan itu. Maknanya di kawasan Tanjung Melintang dan dikuburkan disitu. Saya sendiri menganggarkan bahawa Tok Mera ni [ini] menetap disitu sekitar tahun satu lap an dua kosong (1820) masihi aa. (bunyi kertas) (bunyi telefon bergerak) Tuan Haji Zakaria Bin Mohd Yusof , tujuh puluh satu (71) tahun, anak jati Kampung Tanjung Melintang, mengatakan bahawa ada waris Tok Mera telah menggali kubur tu [itu] dan memindahkan kubur itu ke sebuah tanah wakaf yang lain. Tempat lain. Siapakah sebenarnya Tok Mera? Itu persoalannya. Ada dua pendapat setakat kajian saya. Pertama, beliau ni [ini] adalah nama sebenar-benar beliau adalah Radin Kamariah Binti Radin Mansor. Iaitu keturunan bangsawan kesultanan Banten. Di Jawa Barat. Itu versi pertama (1). Versi kedua (2), ada yang menyatakan kepada saya bahawa Tok Mera ni [ini] sebenarnya nama sebenarnya ialah Sharifah Amra. Haa, jadi begini, sama ada beliau itu adalah satu tadi, Radin Kamariah ataupun Sharifah Amra ya (bunyi kertas), beliau dikatakan pernah berkahwin. Tapi mungkin telah bercerai hidup. Dan beliau ada keturunan. Tapi tidak dapat kita kesan sampai setakat ni [ini]. Anak jati Kampung Gudang Garam tidak dapat kesan (batuk) siapa dia keturunan dia. Sebab apa saya sebut nama dia? Sebab dia ni [ini] dianggarkan duduk di Kampung Gudang Garam ni [ini] (batuk) lebih awal. Tetapi, begitu saja lah. Sebatang kara begitu. So [jadi] kita tak [tidak] boleh katakan dia orang kampung bersama yang lain sebab agak terpisah sejarah itu. Tapi saya mention [sebut], saya bagi tahu (batuk). Okey. Jadi, begitulah sejarah awal kewujudan Kampung Gudang Garam. Dimana penempatan awal lah di Kampung Tanjung Melintang sebenarnya. Dan yang paling awal diketahui menetap di situ ialah Tok Mera tadi. Yang penuh misteri. Haa itu.

FH: OK, Bagaimana pula dengan nama (bunyi kertas) Kampung Gudang Garam itu sendiri. Macam mana ia boleh mendapat nama OK (Pak Syeikh mencelah) ?

PS: Beginilah ya, Kampung Gudang Garam nama tu [itu] adalah nama yang unik kerana secara spontan. Ia melambangkan seolah-olah kampung ini kampung yang canggih. Sebab dia ada gudang. Ada gudang. Sebenarnya begini, memang pada asalnya (bunyi kertas) memang ada gudang. Terdapat gudang disini. Iaitu gudang untuk menyimpan garam. Jadi, saya teruskan ya. Jadi saya perincikanlah mitos berkenaan dengan kampung ini. Tetapi, untuk menceritakan mengenai gudang garam tadi tu [itu], saya kena bermula daripada zaman --- zaman yang jauh. Sebelum kita. Ya. Zaman silam ni [ini] adalah di sekitar seribu tiga ratus 1300 masihi (bunyi kertas). Ketika itu, Segamat pun belum bernama Segamat. Sebab Segamat bernama Segamat tahun seribu lima ratus sebelas (1511). Kawasan ini telah diperintah oleh seorang raja yang bernama Tuanku Malim Deman Ibni Tuanku Malim Dewa. Dia tu [itu] dianggap Raja Segamat. Raja Segamat zaman tu [itu]. Menurut cerita lisan oleh arwah Aminah Binti Sulaiman, Kampung Tanjung Melintang ya. Jugak [juga], tempat dekat rumah saya ja [sahaja] . Iaitu kawasan --- Menurut dia kawasan (bunyi cicak) Paya Berombak, Paya Berombak tu [itu]. Iaitu di kaki Kampung Tanjung Melintang. Pada zaman silam, airnya masin. Ia adalah laut. Dalam inverted comma lah [pembuka penutup koma], mungkin kerana airnya dalam, berombak, dan bersambung dengan sungai Muar. Bersambung dengan Sungai Muar. Belakang ni [ini] je [sahaja] Sungai Muar ya. Kononya, kapal Tuanku Malim Deman tenggelam disitu (bunyi kertas). Dan untuk beberapa waktu selepas itu, tiang layarnya masih boleh dapat dilihat dari puncak bukit Kampung Tanjung Melintang ha. Berhampiran dengan Paya Berombak tersebut. Mitos ini, saya anggap terlalu tua kerana dia melebihi tujuh ratus (700) tahun dah. Berlakunya peristiwa tu [itu]. Terlalu tua untuk dikaitkan dengan peristiwa terjumpanya (bunyi kertas) Gudang Garam di kawasan gaung. Sini ya. Yang kedudukannya agak jauh dari Paya Berombak. Paya Berombak sini. Aaa, dua (2) kilometer lebih. OK ya? (bertanya kearah penemubual dan menganggukkan kepala), saya teruskan lagi. Aaa, sekarang kita pergi ke versi yang lebih kontemporari. Versi yang lebih baru (bunyi kertas) lah iaitu sekitar satu lap an dua kosong (11820) masihi tadi. Zaman Tok Mera tu [itu] (bunyi bernafas). Ketika tu [itu] Kampung Gudang

Garam ini ibarat sebuah pulau. Kerana ia dikelilingi oleh paya yang merupakan yang merupakan (ulangan) (bunyi kertas) sebahagian dari apa yang dinamakan Paya Luas (bunyi motorsikal). Paya Berombak tu [itu] adalah sebahagian daripada Paya Luas. Paya Luas adalah kawasan (bunyi kertas) paya terbesar dalam negeri Johor. Paya Berombak adalah sebahagian pada Paya Luas seperti saya kata tadi. Pada masa itu, diyakini bahawa paya ini bersambung ke Sungai Segamat. Maknanya, paya, paya, paya (ulangan) bersambung sampai ke Sungai Segamat. Sambung ke Sungai Muar begitu. Dan perahu (bunyi kertas) dari Sungai Segamat boleh masuk ke pendalaman. Maknanya boleh masuk ke sampai gaung tu yang ada. Nanti saya cerita haa. Dia boleh masuk ke pendalaman. maksudnya dia boleh masuk ke Kampung Gudang Garam. Ya. Dan berlabuh di pengkalan sana. Mungkin masa tu [itu] ada pengkalan tapi dia punya puing-puing dah tak ada [tiada], (bunyi kertas) dah lama berlaku. Jadi, kawasan itulah yang sekarang ni [ini] yang dipanggil gaung Gudang Garam. Dimana disitulah aaa apa (berfikir) berlakunya peristiwa (bunyi kertas) orang jumpa binatang makan garam disitu ya. Ini kedudukan dia sekitar tiga (3) kilometer daripada Sungai Segamat (bunyi kertas). Kalau ikut paya. Ikut paya. Maknanya gaung tu [itu] keluar tu [itu] ikut paya tu [itu] sampai ke Sungai Segamat sana, lebih kurang tiga (3) kilometer. Jadi, saya simpulkan daripada cerita atas tadi. Jadi pada zaman Tok Mera saru lapan dua kosong 1820 masihi tu [itu] kawasan gaung tu [itu] merupakan sebuah teluk-teluk air. Ada air. Dan kapal boleh masuk. Haa bukan kapal besar ya. (bunyi kertas) Haa perahu lah, sampan. Disinilah, menurut versi popular, terdapat bangunan yang dikatakan gudang. Yakni stor. Tempat menyimpan garam. Berapa besar gudang tu [itu] kita tak [tidak] tahu. Haa mungkin tak [tidak] (bunyi kertas) besar sangat kan. Garam ini disimpan disitu sebelum dihantar ke destinasi seterusnya. Kemana nak [hendak] dihantar, kita tak [tidak] tahu. Hal itu berlaku sekian lama, hinggalah tanah dikawasan itu menjadi masin. Kesan keberadaan garam yang diangkut, disimpan disitu silih berganti. Maka, lepas tulah [selepas itu] baru muncul kisah tanah gaung yang masin tu [itu]. Ada pemburu yang lalu dikawasan tu [itu]. Terserempak dengan binatang-binatang buas sedang makan tanah dikawasan itu. Jilat. Tengah jilat tanah di kawasan tu [itu]. Kononnya hingga kawasan tu [itu] menjadi lekuk dimakan tanahnya sekian-sekian lama. (bunyi kertas) Makna, jilatlah. Jilat sekian lama, jadi lekuk. Dan kerana disitu pernah ada gudang menyimpan garam, berita binatang buas

makan tanah masin tu [itu]. menjadi viral [popular]. Saya guna perkataan viral [popular]. Sekarang orang popular. Lantas kampung [itu]. (bunyi kertas) Dinamakan Kampung Gudang Garam. Namun ketika itu, kampung ini belum dihuni oleh orang. Melainkan oleh Tok Mera tadi yang duduk dekat Tanjung Melintang sana. Tanjung Melintang. Haa faham ya sekarang beza dia. Haa dah (menganggukkan kepala).

FH: Emm, boleh saya tahu, sejak tahun berapakah Kampung Gudang Garam ni [ini] mula dihuni ?

PS: OK. (bunyi kertas) Sebagaimana yang saya telah jelaskan, kiranya, sebenarnya Tok Mera telah -- Dah ada di kampung apa, Tanjung Melintang tadi ya. Pada satu lap an dua kosong (1820) masihi. Okey. Jadi. (FH mencelah). Nanti. Ada lagi ya. Saya nak terangkan sikit lagi. Pada ketika itu kan, kampung-kampung yang berjiran dengan Kampung Gudang Garam. Kita nak [hendak] bagi gambaran lah macam mana. Yang berjiran dengan Kampung Gudang Garam, Tanjung Melintang dan Semak Rantau ni [ini], atau secara ringkas kita panggil Kampung Gudang Garam ni [ini] , mana-mana kampung yang dekat dengan sungai, sudah pun ada penghuni. Contoh, saya bagi contoh, Kampung Pogoh dah [sudah] ada penghuni, Kampung Batu Badak dah [sudah] ada penghuni, Kampung Lubuk Batu dah [sudah] ada penghuni. Kampung Lubuk Batu lagi awal. seribu lima ratus sebelas (1511) dan ada penghuni. Ringkasnya, saya ringkaskan. Hasil daripada temu bual saya dengan beberapa anak jati kampung ini, saya yakin bahawa nama Kampung Gudang Garam sudah wujud enam puluh (60) tahun (bunyi kertas) sebelum ianya didatangi oleh para peneroka awal. Para peneroka awal Kampung Gudang Garam, yang saya ambil kira ialah beberapa family [keluarga], beberapa keluarga yang datang sekitar seribu lapan ratus lapan puluh satu (bunyi kertas) (1881) masihi. Tapi nama Gudang Garam dah [sudah] ada. Dah [sudah] ada sebelum tu [itu]. Itu, andaian saya ya. Sebab tak [tidak] ada, memang tak [tidak] ada rekod. Tak [tidak] ada rekod yang bertulis. Cuma kita dapat cerita-cerita lisan aja [sahaja]. OK

FH: Bagaimana pula dengan jumlah penempatan ataupun penduduk kampung pada awal pembukaan kawasan Gudang Garam?

PS: OK. (bunyi kertas). Penempatan awal ni [ini], haa kalau haa saya sebenarnya untuk tujuan ini, saya mengambil kira tahun satu lapan satu (1881) masihi sebagai tahun penempatan awal Gudang Garam. Sebab apa yang saya cerita tadi, Tok Mera Tanjung Melintang. Jadi, saya teruskan mengenai Gudang Garam ni [ini] (bunyi kertas) tadi. Ada lima keluarga hijrah ke Gudang Garam dari Kampung Tenang. Satu keluarga dari Kampung Batu Badak. Satu keluarga dari Kampung Gelang Chinchin (bunyi kertas) .Haa itulah. Setakat itu dulu saya cerita OK.

FH: Aaa adakah wujud perkampungan lain dalam kawasan Gudang Garam tersebut?

PS: Aaa (bunyi kertas) Dalam kawasan kampung ni [ini] sebenarnya yang kita, seperti mana yang kita Seperti mana yang saya cakap (bunyi kertas) sebelum ni lah [ini], sebenarnya gini [begini]. Kampung Gudang Garam, orang sebut Kampung Gudang Garam. Kalau sekarang ni [ini] sebenarnya yang disebut tu [itu], disebut Gudang Garam ni [ini] dari segi pentadbiran. Mukim. Maknanya bila disebut Kampung Gudang Garam, dia telah meliputi Kampung Tanjung Melintang dan Kampung Semak Rantau. Haa, jadi maknanya untuk jawab soalan tu [itu], haa perkampungan dalam kawasan Kampung Gudang Garam, haa itulah dia. Maknanya Kampung Tanjung Sekawang dan Kampung Tanjung Melintang. Kadang orang tak [tidak] panggil kampung tau [tahu]. Ehh sorry [maaf]. Kampung Tanjung Melintang dan Kampung Semak Rantau. Kekadang [kadang-kadang], orang sini, orang tempatan dia tak [tidak] panggil Kampung Tanjung Melintang. Dia cuma Sebut Tanjung Melintang ja [sahaja]. Dia cuma sebut Semak Rantau aja [sahaja] . Sebagai indikasi pada kawasan-kawasan itu. Haa macam tu [itu]. Dia tak [tidak] panggil kampung. Haa cuma secara rasminya sebenarnya nama dia adalah (bunyi kertas) nama kampung ya. OK.

FH: Bagaimanakah wujudnya perkampungan yang berbeza dalam perkampungan aaa dalam aaa kawasan Kampung Gudang Garam?

PS: OK. OK. Haa (bunyi kertas) beginilah, kalau nak [hendak] jawab soalan tu [itu], wujudnya perkampungan berbeza ni [ini] bertitik tolak daripada peneroka-peneroka yang awal. Ada keluarga, dia lebih suka berjiran dengan keluarga lain. Ada keluarga yang datang tu [itu], dia lebih gemar duduk berjauhan (bunyi ayam). Dan membentuk kelompok dia sendiri (bunyi kertas). OK. (bunyi kertas) Jadi, jadi begitu. Jadi kelompok rumah tu [itu], kelompok rumah-rumah tu [itu] yang dipanggil kampung tu [itu]. Berkampung disitu. Haa tiga empat rumah. Dulu tak [tidak] perlu banyak rumah tu [itu]. Itu pun dah mula dipanggil kampung pada awalnya begitu. Jadi bila dia membentuk kelompok dia sendiri tu [itu], dan mereka namakanlah nama kampung tu. Ni [ini] Kampung Tanjung Melintang sebab dia kawasan tu [itu]. Kampung ni [ini] penempatan. Penempatan. Haa tu ya. (menganggukkan kepala).

FH : Bagaimanakah pak cik, Pak Syeikh boleh mengetahui perkara mengenai kampung ini ?

PS: Sebenarnya kalau secara lisan ya, saya dah bertanya mengenai sejarah kampung ni [ini] sejak saya berumur enam (6) tahun. Hinggalah sekarang ni [ini] (bunyi kertas) . Saya masih tanya lagi sebenarnya. Haa saya sebab perangai macam tu lah [itu]. Suka ambik [ambil] tahu. Haa, apa yang saya ni lah [ini], yang relevant [bertepatan] la untuk saya tahu, saya ambil tahu. Tapi saya ni [ini] sebenarnya mempunyai beberapa orang pakar rujuk sejarah keluarga. Ya. Dan ada ahli-ahli keluarga saya sendiri yang lebih mengetahui perihal sejarah ni [ini]. Sejarah. Sesuatu sejarah, spesifik lah. Kita tanya ni [ini], dia tahu. Haa macam tu [itu]. Kalau saya nak [hendak] sebut nama diorang [mereka] ni [ini] memang ramai. Haa jadi , sebahagian daripada mereka sebenarnya saya dah sebut nama-nama dia tadi. Sebelum ni [ini], saya dah [sudah] jawab. Haa dalam jawapan saya yang sebelum ni [ini], dah [sudah] ada nama diorang [mereka]. Haa, OK.

FH: OK, Adakah kampung ini juga pernah menjadi mana-mana jajahan takluk?

PS: Hmm. OK. Kampung Gudang Garam ni [ini], dia dalam mukim Gemereh, dalam daerah Segamat. Haa OK. Segamat ni [ini] ada yang panggil dia sebagai daerah, ada yang panggil dia sebagai negeri. Macam tu [itu]. Kenapa pulak [pula] dipanggil negeri? Sebab, dari sudut sejarah, Segamat ni [ini] salah satu daripada Sembilan (9) negeri dalam Negeri Sembilan (9). Itu sebab dipanggil negeri. OK. Jadi begini, kalau sekiranya Segamat jatuh bawah jajahan, mana-mana tempat, maknanya Gudang Garam kerana Gudang Garam dia duduk dalam Segamat maknanya dia pun bawah jajahan. Jajahan yang tersebut lah ya. OK begini, Segamat ni [ini], dia bawah jajahan negeri Johor. Era pasca, maknanya di era pasca Perang Jementah.. Lepas Perang Jementah, Segamat ni [ini] masuk bawah Johor. Jadi bermakna Segamat ni [ini] eh Gudang Garam, Kampung Gudang Garam memang bawah Johor lah. Macam tu [itu]. Haa itu senanglah. Kita ringkaskan begitu ja [sahaja]. Senang, ya hmm.

FH: Siapakah penduduk asal yang mula menetap (bunyi kertas) di Kampung Gudang Garam?

PS : OK. Penduduk asal ya (bunyi kertas). Saya cakap secara detail [lengkap] lah. Saya sebut nama-nama diorang [mereka] ya (bunyi kertas). Kejap ya, saya cari sekejap. Kalau kita nak (hendak) sebut terus nanti, kita tak [tidak] ingat. Haa. Okey. Setakat maklumat yang saya dapat, ini dia keluarga asal ya. Di Kampung Gudang Garam proper [betul]. Pertama (1), keluarga Haji Abdullah Bin Kitik, asal dari Kampung Tenang. Kedua (2), keluarga Khatib Sohot, asal dari Kampung Tenang juga. Ketiga (3), keluarga Haji Idrus, asal Kampung Tenang juga. Keempat (4), keluarga Haji Talib, dari Kampung Tenang juga. Kelima (5), keluarga Mohd Saleh, dari Kampung Pogoh tapi keluarga mereka ni [ini] bersusur ke Tenang juga. Keenam (6), leluhur saya lah. Keluarga Arshad dari Kampung Batu Badak. Keturunan Tok Tenang. Haa, lepastu [selepas itu] yang ketujuh (7), keluarga Tok Mahad Bin Hitam dari Kampung Gelang Chinchin. Ni [ini] agak berbeza sikit. Yang lain tu boleh katakan semuanya bersusur ke Tenang. Okey. Jadi secara jelas, itulah dia (7) tujuh keluarga peneroka awal kawasan Kampung Gudang Garam , Semak Rantau, Tanjung Melintang. Ya. Yang dikenali juga sebagai Gemereh satu (1). (bunyi kertas) OK.

FH: Bagaimanakah mereka boleh menetap di Kampung Gudang Garam ?

PS : Emm, sebenarnya hmm (berfikir), peristiwa ni [ini] berkait dengan mengapa mereka datang lah. Kenapa mereka datang sini pulak [pula] kan. Sebab diorang [mereka] kan ada asal usul kan sana Kampung Tenang. (Bunyi sendawa)

FH: Rakaman ini diberhentikan seketika atas faktor kesihatan Pak Syeikh dan akan bersambung seketika nanti.

FH : Berikut adalah sambungan wawancara berkaitan sejarah dan mitos Kampung Gudang Garam. Bagaimanakah mereka boleh menetap, aa mula menetap di Kampung Gudang Garam ?

PS: Hurm, ada versi yang menyebut bahawa mereka ni [ini] berpindah ke Kampung Gudang Garam kerana pada ketika itu kegiatan lanun menjadi-jadi di Kampung Tenang. Mereka mencari tempat yang lebih selamat untuk didiami. Jadi mereka menetap di sini.

FH: Aaa apakah alasan dan sebab mereka berpindah ataupun aa berhijrah ke Kampung Gudang Garam?

PS: Ya. Sebenarnya kegiatan lanun tu [itu] memang cukup membahayakan keselamatan mereka. Itulah sebabnya mereka berpindah sini dan menetap di sini. Sebahagian besar daripada mereka memang tak [tidak] mahu balik lagi ke sana. Cuma saya, setakat saya tahu, ada satu keluarga saja yang, yang mana ahli dia, ahli keluarga tersebut balik ke Tenang. Tapi kemudian. Setelah kegiatan lanun tu [itu] reda. Haa, itulah (bunyi kertas).

FH: Berdasarkan (batuk) pembacaan saya, aa Tok Tenang merupakan seorang tokoh yang berpengaruh ketika pembukaan Kampung Gudang Garam. Boleh saya tahu, siapakah Tok Tenang dan aa nama sebenar Tok Tenang?

PS: Aaa, memang, memang sebenarnya apabila kita sebut sejarah Kampung Gudang Garam ni [ini], memang ramai yang menyebut Tok Tenang, Tok Tenang. Tetapi sebenarnya yang lebih tepat kalau sekiranya kita nak [hendak] kaitkan Kampung Gudang Garam ni [ini] sebenarnya kita kaitkan dengan Kampung Tenang. Begitu. Haa bukan dengan Tok Tenang tu sendiri sebab begini. Di Kampung Tenang tu [itu], ketika Tok Tenang membuka Kampung Tenang, dia bukan dia sorang [seorang] je [sahaja] yang datang situ bukak [buka]. Ada lagi kumpulan dia. Ramai. Ada satu versi mengatakan tiga ratus (300) orang. Bukan sikit. Begitu. Haa, okey. Jadi, menjawab soalan Tok Tenang, siapa dia Tok Tenang. Tok Tenang (bunyi ayam) ni [ini] adalah seorang bangsawan, juga ulama dari Pagar Ruyung, Sumatera Barat. Sebelum berhijrah ke Kampung Tenang, beliau ni [ini] (bunyi ayam) digelar Tok Mat Arif. Tok Mat Arif. Nama sebenar Tok Tenang ialah Syed Mohamad Kamarul Arifin Bin Syed Alahuddin (bunyi ayam).

FH: OK, darimanakah asal Tok Tenang ?

PS: Haa, Tok Tenang berasal dari Sumatera Barat. Dari Pagar Ruyung (bunyi ayam). Tanah Data.

FH: Apakah kaitan aaa Tok Tenang dengan kewujudan Kampung Gudang Garam?

PS: OK, haa, begini. Majoriti peneroka asal (bunyi ayam) Kampung Gudang Garam adalah warga dari Kampung Tenang. Ada yang merupakan waris langsung dari Tok Tenang, ada juga yang bukan waris langsung. Haa, faham ya. Jadi mereka berasal dari Kampung Tenang tapi bukan waris Tok Tenang. Haa, ada pulak (pula) (bunyi ayam) penduduk peneroka Kampung Gudang Garam ni [ini] diyakini merupakan keturunan daripada sama ada Tok Maharajalela Salih (bunyi kertas) ataupun Tok Tuan Tua. (bunyi

kertas) (bunyi ayam) Yang ni [ini] adalah tiga sekawan yang datang ke Segamat daripada Pagar Ruyung. Tapi bukan daripada keturunan Tok Tenang. Dan tidak berpindah ke Tenang. Tidak duduk di Tenang. Dia tinggal sini. Gelang Cincin tadi. OK (bunyi ayam).

FH: Aaa adakah Tok Tenang mempunyai pengikutnya yang tersendiri semasa dia aa, semasa beliau datang ke Kampung Gudang Garam?

PS: Ya, begini. Sebenarnya, Tok Tenang sendiri tidak datang ke Gudang Garam ya. Tidak pernah datang ke Gudang Garam. Tapi yang menjadi peneroka asal Kampung Gudang Garam ni [ini] adalah wali warak beliau iaitu sekitar dua generasi setelah beliau. Diorang (mereka) dari Kampung tenang, tapi Tok Tenang sendiri tidak. Tidak datang sini. Tidak datang untuk membuka kampung ni [ini] Tok Tenang sendiri tidak. Dua generasi setelah dia. OK.

FH: Boleh saya tahu, dimanakah gaung yang dipanggil Gudang Garam ?

PS: Haa okey. Gaung ni [ini] kalau orang kampung, orang Kampung Gudang Garam, panggil Gaung Gudang Garam. Dia terletak di tengah-tengah Kampung Gudang Garam. Di kawasan yang (bunyi ayam) pada zaman dulu ni [ini] diorang [mereka] panggil teluk ya. Tapi kemudiannya air kering, jadi dipanggil gaung sebab dia kawasan rendah tengah-tengah Kampung Gudang Garam .

FH: Adakah gaung tersebut masih wujud (bunyi ayam) sehingga sekarang?

PS: Ya (menganggukkan kepala) (bunyi ayam), masing wujud tapi dia agak kabus. Tidak begitu dalam macam dulu. Haa, okey.

FI: Emm, siapakah individu terawal yang mula menjumpai gaung tersebut?

PS: Hmm, kalau menurut (bunyi ayam) kisahnya, dia yang menjumpai kawasan tu [itu], maknanya yang nampak binatang makan, ataupun jilat tanah tu [itu] adalah pemburu. Pemburu binatang (bunyi ayam). Tak [tidak] tahu nama dia, tak [tidak] tahu siapa.

FI: (bunyi bernafas) Haa adakah wujud sebarang cerita mistik atau tahyul semasa kampung ini dibuka ?

PS: Um, tidak. Saya tak [tidak] pernah dengar sebarang cerita mistik atau tahyul yang berkait dengan pembukaan kampung ni [ini]. Tak [tidak] ada. Diorang [mereka] tak [tidak] cerita pada saya.

FI: Haa, ehem boleh pak cik terang, maaf. Boleh Pak Syeikh terangkan aktiviti ekonomi yang dilakukan oleh kebanyakan penduduk Kampung Gudang Garam pada ketika itu?

PS: Aaa (menganggukkan kepala) Penduduk asal tu [itu], setahu saya lah (bunyi ayam), semuanya membuka kebun. Menanam berbagai jenis buah-buahan atau menanam getah dan menoreh getah itu sendiri. Dia tanam, dia toreh. Ya. Atau (bunyi ayam) mengupahkan orang lain untuk melakukannya. Haa itu yang zaman dulu lah pada asalnya. Jadi, haa nak tahu yang masa sekarang pulak? Tak ? Haa okey, cukup.

FI: Aaa, betulkah dulu kampung ini merupakan salah satu tempat perlabuhan terbesar dalam kalangan para pedagang asing?

PS : Oh, begini ya. Setahu saya, Kampung Gudang Garam dia tidaklah mencapai taraf pelabuhan besar ya. Aaa, kerana dia bukan terletak di laluan utama Sungai Muar, Segamat, Pahang. Dan bukan juga terletak di jalan penarikan. Dia panggil, jalan penarikan. Ke pantai timur. Tak. Haa, jika perahu-perahu boleh masuk hingga ke teluk

dan yang kemudian dinamakan Gaung Gudang Garam, haa saya fikir yang tu [itu] munasabah. (bunyi kertas) Maknanya kita boleh katakan dia bukan perlabuhan besar tapi dia ni [ini] dulu air. Kawasan paya ni [ini] (gugup) air dalam hingga perahu boleh masuk sampai ke Gaung Gudang Garam. aaa (bunyi kertas). Namun, apa yang berlaku di zaman Tuanku Malim Deman iaitu sekitar seribu tiga ratus (1300) masihi tu [itu], kita pun tak [tidak] tahu secara pasti la kan. Kerana tiada rekod bertulis secara ilmiah. Hanya bersumber dari penglipur lara orang tua-tua. Malah kewujudan Tuanku Malim Dewa yakni ayahanda kepada Tuanku Malim Deman pun ada di claim [tuntutan] di tempat lain. Indonesia ada claim [tuntutan], dia kata Malim Dewa -- tempat dia. Haa, kita kata Malim Dewa tu [itu] di Muar. Malim Deman di Segamat. Haa macam tu [itu] ya (bunyi ayam). OK. (bunyi bernafas) Jadi, menurut sumber itulah tadi, kawasan Paya Berombak iaitu kaki Tanjung Melintang merupakan kuala yang masin airnya. Masin air dia dulu. Dan bahtera (bunyi ayam) Tuanku Malim Deman pun dikatakan kononya tenggelam di kawasan tu [itu]. Haa, itu cerita dia. Jadinya, sebenarnya yang cerita mengenai air masin, yang kata kapal berlabuh tu [itu], sebelah sana. Sebelah Tanjung Melintang. Bukan di sini ni [ini]. Yang sini ni [ini] dia Cuma perahu-perahu boleh masuk sebab air di situ dalam masa tu [itu].Haa OK.

FI: Haa apakah faktor-faktor yang menyebabkan sungai di kampung tersebut boleh menjadi perlabuhan?

PS: Haa, begini. Kalau nak [hendak] (bunyi kertas) jawab itu, sebenarnya tadi saya pun dah [sudah] sentuh. Kalau mengikut mak tua saya ataupun apa yang saya, kita-kita faham sebagai ibu angkat lah. Ibu angkat saya ya. Kebetulan dia tu [itu] pulak ibu saudara saya. Dia cerita pada saya masa saya kecik-kecik [kecil] lagi (batuk). Dia yang mengatakan bahawa pada zaman dahulu, Paya Berombak tu [itu] laut (bunyi motorsikal). Merupakan sebuah kuala dia kata. Tempat kapal-kapal berlabuh. Haa tapi zaman dulu yang beliau maksudkan tu [itu], paling lewat pun sekitar seratus (100) tahun setelah zaman Tuanku Malim Deman. Maknanya yang dia cerita tu [itu] sekitar bila tau [tahu]. Sekitar zaman kesultanan Melayu Melaka. Lama. Lama sangat. Tah [entah] berapa (bunyi kertas)

generasi. Tapi masalah dia, kita tak [tidak] ada jumpa apa-apa catatan mengenai benda tu [tu] ya. Haa, OK la kot. (batuk). Itu saja [sahaja].

FH: Rakaman ini diberhentikan seketika atas faktor kesihatan en --- Pakcik Seth dan akan bersambung seketika nanti.

FH: Berikut adalah sambungan wawancara berkaitan sejarah dan mitos Kampung Gudang Garam.

PS: OK (mengganggukkan kepala)

FI: Sebentar tadi Pak Syeikh ada menyebut tentang Malim Deman. Siapakah individu yang bernama Malim Deman sebenarnya?

PS: Haa, setakat yang saya tahu dan kemudian saya ada merujuk jugak [juga] dan berbincang jugak [juga] sebenarnya di kalangan kawan-kawan saya peminat sejarah. Malim Deman ni [ini] adalah seorang raja. Menurut hikayat Malim Deman, dia memang ada Hikayat Malim Deman ya. Baginda adalah anakanda kepada Tuanku Malim Dewa. Ayahandanya dikatakan memerintah Muar tapi Tuanku Malim Deman menjadi raja di daerah yang kini bernama (bunyi kertas) Segamat.

FI : Aaa, benarkah perlabuhan tersebut dikaitkan dengan individu yang bernama Malim Deman?

PS: OK, haa. Iya, kalau sekiranya --- Yang kata perlabuhan tu [itu], yang disini ya, di Tanjung Melintang. Kampung Tanjung Melintang. Sebenarnya saya sendiri lah, kalau nak tanya betul ke tidak ni [ini], saya pun sendiri tak [tidak] tahu sejauh mana (bunyi ayam) kebenaran dia. Tak [tidak] tahu sejauh mana kebenaran dia sebab saya telah dapat berbagai versi tentang (bunyi menulis) kewujudan Malim Deman itu sendiri. Ada yang kata dia di kawasan Riau sana, ada yang kata dia di Sumatera sana, ada pulak [pula] kita

punya versi kata Muar. Haa macam tu [itu]. Tetapi, ya kalau ikut versi yang sini maknanya aa Malim Deman nih [ini] memang berkait dengan kisah perlabuhan zaman silam. Zaman silam. Sekitar seribu tiga ratus (1300) masihi. (bunyi kertas) Dah lama, sebelum kewujudan Kesultanan Melayu Melaka lagi. Lama sangat ya. Hmm, OK.

FI: Aaa, menurut mitos, ada yang menyatakan bahawa beliau memiliki kuasa ghaib yang luar biasa. Benarkah? (bunyi kertas)

PS: Begini (bunyi kertas), saya rasa apa yang dimaksudkan sebagai mitos itu ialah kisah sumpahan tu [itu]. Sumpahan Malim Deman. Haa, begini. Saya sendiri pun memang tak [tidak] tahu sama ada betul atau tidak aa sumpahan tu [itu]. Pernah ke (bunyi ayam) dia sumpahnya Segamat ni [ini]. Bahawa Segamat akan dilanda banjir setiap tahun. Kan. Tapi kan, secara peribadi lah, saya fikir itu sebenarnya tak [tidak] ada kena mengena dengan sumpahan sesiapa pun. Haa, terjadinya banjir ialah kerana terdapatnya sungai-sungai yang menjadi feeder rivers [sungai utama] kepada Sungai Segamat. Dan sungai-sungai ni [ini], feeders [penghantar] ni [ini] berada di hulu-hulu Segamat. Haa, begitu. Okey, apabila bahagian hulu tu [itu]. hujan lebat, maka air tu [itu]. akan masuk ke Sungai Segamat. Dan oleh kerana air tu tak [itu]. [tidak] mampu bergerak ke Sungai Muar dengan cepat, dia termenung aja [sahaja] di Segamat. Haa, maka berlakulah banjir tu [itu]. Saya percaya, sejak sebelum zaman Tuanku Malim Deman pun keadaan tu [itu]. memang dah [sudah] macam tu [itu]. (gugup). Di hulu tu memang (gugup) jadi feeders [penghantar] begitu, haa dan air tu [itu]. termenung di Segamat untuk beberapa waktu. Itu menyebabkan banjir di Segamat.

FI : Bagaimana pula tentang lagenda seekor naga yang telah menjadikan paya bakau di perlabuhan tersebut sebagai tempat persembunyiannya?

PS: Hmm, (bunyi kertas) ini memang kisah yang menarik sebab apa kisah naga Paya Berombak ni [ini] memang agak terkenal jugak [juga] di dalam Segamat ni [ini] Haa, sebenarnya saya sendiri ada menulis buku pun mengenai naga paya berombak. Dan

judulnya pun, itu. 'Naga Paya Berombak'. Jadi, beginilah. Saya ceritakan secara ringkas mengenai keberadaan (bunyi ayam) makhluk naga ni [ini] ya. Yang pertama, ya kisah dia yang berkait dengan naga. Pada suatu hari, ada sekawan pemburu bangsa Cina. Dia pergi ke gigi air Paya Berombak tu [itu]. Sebab dia nak [hendak] tembak kluang. Tembak kluang (bunyi ayam). Bila kluang tu [itu] jatuh, daripada dalam air ni [ini], timbul dua kepala besar. Kepala ular tapi berbalung. Atas kepala ular tu berbalung. Berebutkan kluang tu [itu] Haa itu satu ceritanya yang support [sokong] la (bunyi kertas). Yang support [sokong] bahawa ada makhluk besar di dalam. Yang kedua, paya tu [itu] berombak dikatakan bukan kerana dia luas. Bukan kerana ...luas. Dia memang luas tapi dia berombak tu [itu] bukan kerana dia tu [itu] luas. Kerana jika luas pun, ia hanya mampu menghasilkan ripples [gelombang kecil] ataupun gelombang-gelombang kecil aja (bunyi motorsikal) [kecil sahaja]. Dia nih [ini] didakwa (bunyi ayam) oleh orang-orang kampung berombak kerana kesan pergerakan makhluk besar. Yang besar saiznya. Dalam air. Ataupun di dasar paya. Haa tu [itu] supporting [sokongan] yang kedua. Yang ketiga, pada satu ketika dulu, ada sepohon pulai. Pokok pulai. Yang dikatakan berubah tempat. Berubah tempat. Di tengah-tengah paya berombak. Hari ni [ini] dia berada di sini, hari besok [esok] dia berada disana. (bunyi kertas) Boleh berubah. Pokok pulai dia besar, bukannya kecil (kecil). Haa, penduduk kampung pada masa tu [itu] mengesyaki bahawa sebenarnya, pohon itu tumbuh diatas kepala seekor naga yang besar. Bawah dia tu [itu] naga. Jadi bila naga tu bergerak, jadi pokok tu sama bergerak. Haa, tapi tu [itu] kepercayaan je [sahaja], diorang [mereka] tak [tidak] pernah nampak pun kepala naga tu (bunyi kertas) [itu] Haa, Cuma itu. Dan yang ini memang saya catit dalam buku saya. Berdasar cerita orang tua-tua. OK, yang keempat (4) pulak [pula], ada pula yang menyatakan bahawa, naga di Paya Berombak itu pada asalnya adalah seorang petapa dari seberang. Dari tanah seberang. Tapi telah tersalah menuntut ilmu. Lantas menjadi seekor naga. Lalu dipindahkan. Tak [tidak] tahu macam mana cara dia dipindahkan. Mungkin dengan ilmu jugak [juga]. Dicapakkan ke Paya Berombak tu [itu]. Dan duduklah dia disitu. Begitu ya. Itu yang keempat. Yang kelima (5) --- Sebenarnya ada lagi ya, tapi saya rasa lebih baik sampai lima saja [sahaja]. Yang kelima. Pada zaman dahulu, sesekali ensel rumah, ensel rumah penduduk kampung bergetar. Kerana berlaku gempa kecil di sekitar kawasan. Kononya, pada ketika itu, naga yang berkaitan sedang bergerak untuk

pindah. Pindah tempat. Mungkin dia ikut jalan darat, tu [itu] sebab dia bergegar tu [itu]. Haa macam tu [itu]. Jadi, lima cukuplah saya cerita. Haa, ya. Tentang tu [itu] OK.

FH: OK, jadi sekarang kita beralih kepada soalan berkaitan kampung pada masa sekarang ni [ini]. OK, boleh saya tahu, siapakah Ketua kampung Gudang Garam buat masa sekarang? (bunyi kertas)

PS: Sekejap ya, (bunyi kertas) sekejap. OK, pada masa sekarang ni [ini], tak [tiada] ketua kampung. Kerana ketua kampung yang sebelum ni [ini], dia sudah pun bersara. Jawatan ketua kampung baru belum diisi. Walaupun temuduga sebenarnya telah pun diadakan. Dah [sudah] buat. Hmm

FH : Apakah antara perubahan yang pak cik, Pak Syeikh dapat lihat sepanjang Pak Syeikh membesar dan menetap di Kampung Gudang Garam?

PS: OK, perubahan yang paling ketara ialah --- Yang saya nampak lah, adalah dari segi infrastruktur. Iaitu yang pertamanya jalan kampung ni [ini] dah dilebarkan dan di tar. Yang keduanya, kemudahan api dan api dah [sudah] ada. Yang ketiganya (bunyi ayam), sebahagian kawasan jalan yang agak gelap waktu malam, telah dipasang lampu jalan. Dulu gelap. Nak [hendak] lalu pun takut. Yang keempat, balairaya yang lama yang dibuat daripada kayu dulu dah [sudah] dibina semula menggunakan konkrit pulak [pula]. Haa, yang kelima (5), masjid ni [ini] masjid ni [ini] dulu masjid kayu nih [ini]. Lama dah [sudah]. Lepas tu [itu], sudah digantikan dengan bangunan baru, konkrit. Dan dibesarkan. Jadi nampak. Itulah perubahan yang ketara, yang paling saya nampak. Yang paling ketara ni [ini] lah, infrastruktur. OK. Dah. (menganggukkan kepala).

FH: Dalam pelbagai perubahan yang pak cik telah nyatakan tadi, perubahan mana yang paling memberi impak kepada pak cik?

PS: Pada saya, pada saya lah. Ini personal [persendirian], pada saya lah, (bunyi ayam) kemudahan. Kemudahan jalan raya lah yang rasa saya memberi impak yang paling besar pada diri saya. Kini jika saya mahu masuk ke kampung, saya tak [tidak] bimbang (ketawa kecil) tayar kereta atau motosikal saya melekat tanah haa ketika hujan. Haa, jalan yang lebar, berturap dengan baik, adanya lampu jalan semua kan (bunyi kertas). Haa. Jadi, itu mengurangkan incident [kejadian] orang-orang kampung ternampak (bunyi kertas) hantu di sana sini. Kalau tidak dulu cerita hantu saja. Sebab jalan gelap. Kalau pokok tu [itu], kebetulan pokok pisang, waktu malam cahaya bulan kan, dia warna putih. Lepas tu [itu] angin tiup. Jadi macam ni [ini], jadi orang ingat hantu lah. Tapi bila dah [sudah] terang, (bunyi kertas) sekarang malam-malam orang perempuan pun ada lalu naik motor.

FH: Bagaimana pula dengan perubahan dari aspek pola penempatan di Kampung Gudang Garam?

PS: OK, pada masa dulu, penempatan asal tu [itu] sudah berkembang kerana ahli keluarga sekarang secara purata (bunyi ayam) adalah generasi keempat (4). Malah kelima (5), dikira dari generasi peneroka asal. Ahli keluarga yang menetap di kampung ini, membina rumah meraka atas tanah pusaka. Tapi memilih untuk membina rumah berhampiran dengan jalan utama. Haa, dia buat rumah dekat tepi jalan. Atau sekurang-kurangnya, jalan susur. Ada juga kakitangan haa kerajaan atau swasta yang membeli tanah di kampung (bunyi ayam) ini. Lantas membina rumah dan menetap disini. Haa, ni [ini] maknanya the next generation of [generasi seterusnya] penghuni sini, (bunyi kertas) kampung ini. Inilah antara faktor bertambahnya penduduk baru dan satu perkembangan yang baik. Kerana ianya boleh membantu memajukan kampung dengan membawa berbagai idea baru dan pemikiran yang positif. Sebahagian penduduk generasi tiga (3) dan keempat (4) pula telah membina rumah-rumah sewa. Dan ini adalah penyebab

kedatangan penduduk baru. Tapi, mereka ni [ini] kita anggap penduduk sementara aja [sahaja]. Ada juga sebahagian anak jati kampung ini (bunyi kertas) yang akhirnya pulang ke kampung dan menetap di kampung ni [ini]. Membina rumah atas tanah pusaka yang mereka warisi tu [itu]. Tapi bilangan mereka tak [tidak] ramai. Tapi ada. Wujud. OK

FH : Aaa boleh Saya Tahu, apakah kegiatan ekonomi utama Penduduk Kampung Gudang Garam?

PS: Hmm. (bunyi kertas). Sekejap ya. (bunyi kertas). Aaa, pada masa sekarang ya. Jadi pada masa sekarang ni [ini], kalau generasi keempat ataupun kelima di sini, diorang ni [ini] yang mana yang tidak berpeluang lah untuk bekerja swasta ataupun kerajaan, mereka ni [ini] ramai yang berkebun di tanah pusaka, menoreh getah, ataupun dia mengambil upah menoreh getah. Ada jugak [juga] generasi keempat dan kelima ini yang sebenarnya makan gaji dengan kerajaan dan swasta. Haa, itu juga ada. Aaa, dan saya tengok ada perkembangan baru lah. Yang barunya maksud saya ada juga sebahagian daripada penduduk kampung yang menanam sayur. Dulu sebenarnya begini. Di kawasan paya ni [ini] dulu, yang menanam sayur ni [ini] ,Cina. Kaum Cina. Tapi sekarang ni [ini] orang-orang kita sendiri. Orang Melayu sendiri dah [sudah] menanam sayur. Haa, itu satu perkembangan yang baik. Tapi secara umumnya, majoriti penduduk kampung ni [ini] adalah petani, berkebun dan penoreh getah. Haa, OK. (bunyi kertas)

FH: Berapakah jumlah penempatan kampung pada masa kini?

PS: Haa, Ok ya. Ada saya dapat sekejap yang baru. (bunyi kertas) Pada masa ini ya, kalau jumlah rumah, di Kampung Gudang Garam ada seratus lima (105) rumah, di Kampung Tanjung Melintang ada tiga puluh (30) rumah, di Kampung Semak Rantau ada sembilan (9) rumah. Jadi jumlah semua rumah seratus empat puluh empat (144.) Dari segi jumlah penduduk, dianggarkan lima ratus lapan puluh (580) orang sahaja. Tak [tidak] ramai sangat kan. lima ratus lapan puluh (580) orang sahaja.

FH: Boleh Pak Syeikh anggarkan berapakah keluasan Kampung Gudang Garam?

PS: Emm (berfikir) (bunyi ayam) sebenarnya saya tak [tidak] tahu nak cakap berapa luas la. Saya minta maaf saya tak [tidak] dapat jawab soalan tu [itu] sebab tak [tidak] ada data tu pada saya.

FH: OK, dengar cerita, kawasan Segamat antara kawasan di Negeri Johor yang popular dengan isu banjir (bunyi ayam) (PS mencelah) . Jadi, adakah kampung ini juga pernah dilanda banjir ataupun sebarang bencana alam yang lain ?

PS: Sejak saya kecil (bunyi kertas) hinggalah ke hari ini, maksudnya dalam tempoh hampir enam puluh (60) tahun dah, saya tak [tidak] pernah dengar lagi (bunyi kertas), Kampung Gudang Garam dilanda banjir. Maksud dilanda banjir ni [ini] begini. Kalau – kalau setakat air naik di kawasan paya tu [itu] memang ada. Tapi maknanya kalau sampai penduduk ni [ini] dipindahkan, dan sebagainya tak [tidak] ada. Lagi pun, (bunyi ayam) penduduk kampung ni [ini], rata-rata mendirikan rumah di kawasan bukit. Atau setidaknya di tanah yang lebih tinggi dari aras air banjir kawasan paya haa. Tapi, kampung ini boleh putus hubungan dengan dunia luar ketika banjir besar. Iaitu apabila Jalan Temenggong, paya di kawasan Temenggong tu [itu] , jalan yang dekat paya di kawasan Temenggong dan juga jalan Tanjung Sengkawang, ikut sini, ikut belakang ya, ditinggelami air. Jadi bila banjir besar, memang tenggelam yang tu [itu]. Jadi Gudang Garam ,biasanya orang Gudang Garam kalau sebelum banjir tu [itu] diorang [mereka] beli lah sardine, belilah roti , beli apa ke. Buat bekalan takut putus hubungan. Tapi Gudang Garam sendiri tak [tidak] pernah dilanda banjir. (bunyi kertas) OK.ya

FH: Aaa, boleh saya tahu, adakah penduduk di sini (bunyi kertas) juga pernah menerima apa-apa sumbangan dari mana-mana pihak yang bertanggungjawab? Tak [tidak] kira sama ada NGO [Non Government Organization] atau pun kerajaan?

PS: Okey, haa ya la. Dia sebenarnya begini, sebenarnya saya ni [ini] bukannya orang yang sepatutnya menjawab soalan ni [ini] sebab saya sendiri tidak terlibat (bunyi ayam) dalam pentadbiran kampung ni [ini]. Cuma yang saya tahu lah, ada juga penduduk kampung ni [ini] yang dapat bantuan rumah. Rumah PPRT [Projek Perumahan Rakyat Miskin Tegar] ada, ada, ada (ulangan) (bunyi ayam). Lepas tu [itu], ada juga lah yang dapat bantuan lain. Macam contoh, OKU [Orang Kurang Upaya] ni [ini]. Kurang upaya. Ketika lawatan apa ni [ini], (berfikir) wakil rakyat ataupun Adun. Adalah diorang [mereka] dapat sumbangan sikit. Begitu ada saya dengar. Tapi secara spesfik dan detail [lengkap], saya tak [tidak] dapat. Tak [tidak] dapat la nak [hendak] bagi tahu ya. Saya tak [tidak] tahu.

FH : OK, Seperti mana yang kita tahu, kampung ini juga ada kemudahan seperti masjid. Tapi adakah lagi kemudahan seperti balai raya ataupun perpustakaan kecil untuk penduduk kampung disini?

PS : Setakat yang saya tahu, di kampung ni [ini] Cuma ad sebuah balai raya dan sebuah masjid. Apa ni [ini], perpustakaan tak [tidak] ada. Tapi kalau perpustakaan mukim ada. Dia berada di Kampung Gemereh sana.

FH: Aaa adakah wujud sebarang kegiatan Industri Kecil Sederhana dalam kampung ini?

PS: Tidak ada. Tidak ada IKS di kampung ni [ini]

FH: Aaa dan wujudkah institusi pendidikan, contohnya seperti sekolah, tadika dalam kampung ni [ini]?

PS: Sekolah di kampung ni [ini] tak [tidak] ada. Tapi setahu saya, ada tadika kemas di balairaya Kampung Gudang Garam.Hmm (bunyi kertas)

FI: Seterusnya, kita (bunyi kertas)teruskan dengan bahagian sosial dan kebudayaan. Jadi, bagaimanakah hubungan sesama penduduk kampung di sini ?

PS: Hubungan sesama penduduk di sini, ini sebenarnya susah sikit lah nak (hendak) jawab. Saya susah sikit nak [hendak] menjawabnya sebab --- Tetapi saya tak [tidak] berterus terang pun tak [tidak] boleh. Berdasarkan pemerhatian peribadi saya, kalau kita letakkan skala penuh sepuluh (10) markah, saya fikir dari segi hubungan sesama penduduk kita boleh beri enam (6) per sepuluh (10). enam (6) per sepuluh 10. Aaa dan skala ini pulak [pula] dikhuatiri akan semakin menurun. Akan semakin menurun. (bunyi motorsikal) Secara ringkasnya, secara ringkasnya, usaha menyatukan anak buah agar saling bekerjasama untuk memeriahkan dan memajukan kampung perlulah dilipat gandakan. Mungkin perlu ada satu formula khas untuk menjayakan tujuan ini. Itu saya tak [tidak] tahu. Bergantung kepada siapa yang mengurus kampung ni [ini]. Tapi tu [itu] pandangan peribadi saya dan hasil daripada perbulan-perbualan saya dengan anak-anak jati kampung ni [ini]. Di sini (bunyi kertas), daripada segi hubungan tu [itu] agak kurang. OK.

FI: Aaa adakah di kampung ini mempunyai adat-adat resam tersendiri, yang unik mungkin?

PS: Setahu saya, adat resam penduduk kampung ni [ini], adat resam penduduk kampung ni [ini] adalah sebagai mana adat Temenggong (bunyi kertas) yang di amalkan di Negeri Johor, secara umum.

FI: Haa, apakah majoriti bangsa dan agama yang dianut oleh penduduk di sini?

PS: OK, maksudnya bangsa dan agama ya. haa, OK. Saya pecahkan sikit dari segi etnik. Etnik ya. Setakat yang saya tahu ya, kesemua Melayu dari etnik Bugis, Minang dan Jawa. Pernah juga ada India Muslim yang menetap di sini. Tapi beliau tu [itu] dulu kahwin dengan orang Melayu. Jadi dah dianggap orang Melayu juga lah. Haa, macam tu [itu]. OK, dah.

FI : Wujudkah apa-apa aktiviti yang sering --- Maaf. Apakah aktiviti-aktiviti yang sering dilakukan oleh penduduk kampung?

PS: OK, (bunyi kertas) pada masa ni [ini] kan, jika ada majlis perkahwinan mungkin tak [tidak] sampai separuh yang mendirikan balai untuk merewang. Ini keadaan di mana orang kampung sendiri memasak, menghidangkan makanan. Sebaliknya, mereka ni [ini] sewa caterer je [sahaja]. Sebagaimana tempat lain juga. aa. Yang telah dihidupkan semula yang saya tengok di kampung ini, aktiviti kampung ni [ini] ialah kumpulan kompang. Kumpulan kompang ada dan sering dijemput ke majlis perkahwinan atau majlis seumpamanya (bunyi kertas). Memang ada dah [sudah] kumpulan kompang tu [itu]. Tapi kumpulan kompang (bunyi kertas) tu [itu], lagu-lagu yang dia bawa tak [tidak] sama dengan yang dulu. Dah [sudah] ubah dah [sudah]. Dah [sudah] moden sikit. Kumpulan Yasin dan Tahlil kaum lelaki pun ada kalau kat [dekat] kampung ni [ini]. Biasalah. Itu memang ada. Kalau tak [tidak] ada tu [itu] rasa saya pun masalah la kan. Tapi, tak [tidak] ramai orang. Tak ramai (bunyi ayam). Jemaah tak ramai. Bagi kaum perempuan, setahu

saya ada kumpulan marhaban, Yasin dan Tahlil. Haa, ada. Di masjid pada masa kini ada siri kuliah agama oleh ustaz-ustaz yang diundang khas oleh AJK [Ahli Jawatan Kuasa] masjid. Harapan saya lah (bunyi ayam) sebagai anak jati kampung ni [ini], semoga lebih ramai anak jati kampung ni [ini] dapat hadir berjemaah solat lima waktu dan hadir kuliah. Kuliah-kuliah agama ni [ini]. Haa itu yang sebaik-baiknya.

FI: Haa, adakah penduduk kampung disini aktif, atau pernahkah mereka melibatkan diri dalam sebarang aktiviti (bunyi ayam)kemasyarakatan?

PS : Umm (berfikir), iyalah, sebenarnya begini. Saya tengok penglibatan penduduk kampung akir-akhir ni [ini] sebenarnya, dalam kegiatan macam tu [itu] agak menurun (bunyi ayam). Saya tak [tidak] tahu apa sebabnya. Dan kalau saya tahu pun sebabnya mungkin saya tidak boleh bercakap secara direct [terus] begitu. Cuma saya cakap secara umum ja [sahaja]. Jadi, masih ada juga mereka kalau buat kenduri ya, mereka merewang. Tapi peratusannya sudah kecil dan tak [tidak] ramai. Tak [tidak] macam dulu lah. Masa saya kecik-kecik [kecil] dulu memang meriah kalau nak [hendak]buat majlis perkahwinan dan sebagainya. Emm, jadi, ringkasnya semangat gotong-royong, semangat gotong-royong tu [itu] yang pernah memeriahkan mana-mana kampung lah pada masa dulu kan, sekarang ni [ini] dah [sudah] kurang. Itu yang kita rasa pun kadang [kadang-kadang] sedih jugak, kadang (kadang-kadang) kita fikir. Sekarang ni [ini] macam kurang percampuran (bunyi ayam) tu [itu]. Sedangkan teknologi semua dah [sudah] moden. Nak [hendak] berhubung mudah.

FI: Boleh pak cik jelaskan dengan lebih terperinci tentang adat resam di kampung ini?

PS: Adat resam ya. Emm, (bunyi ayam) Saya kalau saya nak sentuh mengenai adat resam, sebenarnya kampung gudang garam ni [ini] adat resam (bunyi ayam) dia sama tak [tidak] ada bezanya dengan adat resam penduduk Segamat (bunyi ayam). Tak [tidak] ada beza. Bila kita sentuh ni [ini], kita kena sebut bahawa mereka ni [ini] Adat Temenggong. Adat Temenggong memang di amalkan di Negeri Johor. Berbeza dengan Negeri Sembilan

(bunyi ayam) yang mengamalkan adat perpatih. Tapi sebenarnya, (gugup) betullah, adat-adat yang di amal tu [itu] memang secara umumnya tu [itu]. Tetapi faham-faham saja lah, sekarang ni [ini] sudah generasi (bunyi ayam) berapa? Generasi Z dah [sudah] sekarang ya. X Y Z kan. Saya rasa dah tak [tidak] ada cerita untuk adat resam lagi dah. (bunyi ayam) Sebab sekarang ni [ini] banyak pengaruh-pengaruh barat dah [sudah] datang. Jadi memang kurangnya. Contoh, kalau dulu bila orang hantar belanja, rombongan hantar belanja kan, siap pantun semua kan. Sekarang tak da [tidak ada]. Macam koboi sikit. Kan. (bunyi ayam) Kurang lah, kurang. Haa macam tu. Okey, itulah gambaran dia saya rasa haa,

FI: Adakah penduduk di kampung ini (bunyi ayam) sering melakukan aktiviti bersama-sama misalnya seperti bergotong-royong?

PS: Aaa gotong-royong ya. Seperti saya kata tadi la. Sebenarnya masih ada. Masih ada macam masa nak [hendak] buat kenduri, di masjid (bunyi ayam) ada. Masa nak [hendak] buat kenduri kahwin ada. Tapi kalau untuk (gugup) tebas jalan semua, itu semua dah tak ada [sudah tiada]. Dulu orang kampung buat. Sekarang ni [ini] sebab kerajaan dah [sudah] ambil alih, jadi dia yang buat. Haa, Cuma yang saya nak komen, penglibatan orang kampung tu [itu] berkurangan bunyi ayam). Walaupun aktiviti tu [itu] masih ada. Itu. Haa OK

FI: Adakah kampung ini pernah menyertai apa-apa pertandingan misalnya seperti Pertandingan kampung bersejarah, kampung tercantik ataupun, kampung terbersih (bunyi ayam)?

PS: Tak ada [tiada]. Setakat yang saya tahu, yang di maklumkan kepada (bunyi kertas) saya tak da [tiada] . Tak [tidak] pernah.

FI: Emm, adakah terdapat sebarang makanan tradisional yang istimewa dikeluarkan ataupun menjadi identiti di kampung ini ? (bunyi ayam)

PS: Makanan tradisional istimewa hingga dianggap sebagai identiti kampung ni [ini], setahu saya tak ada [tiada]. Tapi, sekarang ni [ini] kalau kita mahu menempah kuih-kuih tradisional, warung Haji Nor saya anggap terkenal la di luar. Kerana dia mampu menghasilkan kuih-kuih tradisional yang berkuliti lagi lazat. Memang orang sebut-sebut ja [sahaja]. Warung Haji Nor ya. Ada yang tu [itu]. Tapi satu makanan tradisional yang dianggap sebagai identity (bunyi ayam) kampung ni [ini] tak ada [tiada] .

FI: Adakah diadakan apa-apa acara tahunan di kampung ini ?

PS: Acara tahunan yang setakat saya tahu la ya, Majlis Maulidur Rasul ada, memang dia buat. Majlis Khatam Quran pada bulan Ramadhan memang ada. Majlis Korban pun ada. (bunyi ayam) Memang ada sini. Haa, itulah.

FH: OK, untuk soalan penutup kita. emm apakah keunikan Kampung Gudang Garam yang pak cik dapat lihat sendiri di mata pak cik? Pak syeikh? Maafkan saya, Pak Syeikh.

PS: Kampung ini sebenarnya --- Kampung ni (bunyi ayam) [ini] sebenarnya mempunyai keunikan dalam bidang seni. Di bidang seni. Ada beberapa anak jati kampung (bunyi ayam) ni [ini] yang mampu membentuk hulu dan sarung golok yang berkualiti tinggi. Saya hanya salah sorang ja [sahaja] . Haa, begitu. Malah, bila digabungkan dengan kebolehan mengukir, hasil kerja tangan anak jati kampung ini pernah berada teratas. Berbanding hasil kerja kampung-kampung lain. Itu saya sendiri tahu sebab saya sendiri terlibat. OK, dari sudut seni lukis pula, anak jati kampung ini saya anggaplah telah mencapai tahap yang boleh dibanggakan sebab contohnya, adik saya. (bunyi ayam) Dia pernah melukis pemandangan, potret, dan sebagainya untuk Sultan Johor. Haa begitu. Jadi kita dapat bayangkan lah macam mana kualiti tu [itu]. Tapi sayangnya,

kegiatan ini tidak diangkat ke peringkat industri kan. Haa kan. Sedangkan dia boleh. Misal contoh kita kumpulkan anak-anak kampung yang mana ada kebolehan tu [itu], letak satu tempat, diorang [mereka] hasilkan tu [itu] letak satu tempat. Ataupun, pelancong datang situ kan.

FH: Apakah harapan pak syeikh untuk kampung ini di masa hadapan?

PS: OK, harapan saya lah. Harapan saya sebagai anak jati, (bunyi ayam) saya bukannya ada pegang jawatan apa-apa kat (dekat) sini sebenarnya. Haa jadi saya harapan saya sebagai anak jati je [sahaja] di kampung ni [ini] (bunyi kertas). Saya berharap, agar sesiapa sahaja yang dipikulkan amanah untuk mentadbir kampung ini, dapat melaksanakan tugas dengan sebaik-baiknya. Dan tidak memilih bulu. Tidak mengutamakan kroni atau membeza-bezakan (bunyi ayam) anak buah. Saya cakap ni [ini] sebenarnya ada dasar dia. Ada sebab dia. Haa, OK. Paling kritikal hubungan ketua dengan anak-anak buah perlulah mesra. Ambil berat perkembangan dan masalah mereka, datang menjengah, bertanya khabar, memahirkan diri dalam ilmu berkomunikasi (bunyi ayam) agar dapat diterima oleh majoriti. Kalau boleh, yang lebih baik lagi, oleh semua penduduk. Melayani aduan ataupun complaints [aduan] dengan cara yang betul. Mengetahui prosedur untuk memanjangkan permohonan anak-anak buah ke pihak atasan. OK, dan jangan terlalu berpolitik tapi fokus pada mentadbir dengan baik. Haa, formula yang agak mudah, jika pemimpin sesebuah masyarakat itu dapat diterima baik oleh msasyarakatnya sendiri, maka keadaan kampung ini akan menjadi lebih meriah. Banyak kerja dapat dijayakan. Penduduk pun bersemangat untuk memajukan kampung mereka. Mereka dapat merasakan bahawa mereka juga adalah sebahagian yang bertanggungjawab terhadap kampung mereka. Jika tidak, maka akhirnya penduduk kampung akan boikot segala aktiviti. Atau apa yang dikatakan sebagai silent protest. Seorang pemimpin, seorang pemimpin bukanlah juara di kalangan kawan-kawan dia di kedai kopi. Tapi juara di kalangan anak-anak buahnya. Kerana mereka mengiktiraf kepimpinan dia. Haa, itu.

FH: Apakah kata-kata semangat yang boleh diberikan kepada penduduk kampung bagi meningkatkan kemajuan dan perpaduan kampung? (bunyi kertas)

PS: OK, kata-kata semangat saya ya. Mungkin kebetulan saya ni [ini] pun motivator kot ya. Jadi maknanya soalan ni [ini] macam sesuai je (bunyi kertas) untuk saya. Saya bag kata semangat untuk pelapis pemimpin ya. Saya berharap mereka ni [ini] dapat cekalkan hati. Pemimpin-pemimpin yang akan datang ya. Dapat cekalkan hati untuk membetulkan mana-mana yang tak [tidak] betul atau kurang memuaskan hati orang kampung. Pendekatan yang sesuai adalah kritikal. Terutamanya kepada golongan yang sudah merajuk atau berpatah arah akibat pelbagai hal (gugup). Usaha memenangi semula hati mereka kadang-kadang bukanlah menghalakan mereka sebagai target [sasaran] secara direct [langsung]. Secara langsung. Kadang kala, dengan mengenal pasti dan mempelawa anak-anak jati yang ada wibawa dan pengalaman untuk menyertai aktiviti-aktiviti di kampung. Walaupun anak jati tersebut bekerja di tempat lain atau tidak menetap di kampung ini. Inilah yang telah dilakukan oleh Muar. Mereka ada kumpulan pemikir dan perancang. Think tank group dia. Ini anak-anak jati yang bertaraf professional. Mereka balik sesekali ke kampung, berjumpa dalam satu majlis Hi-tea. Jadi mereka tolong fikir macam mana nak [hendak] majukan Muar. Hinggakan meletakkan Muar tu [itu] sebagai sebuah daerah yang disegani dalam Negeri Johor. Haa, itu memang berlaku. Memang real [benar]. Kesimpulannya, sesiapa sahaja yang menjadi pemimpin, perlulah disayangi oleh anak buah dia. Mereka sayang dan hormat. Jika mereka benci ke tahap meluat, atau boikot atau sudah tidak campur, tentulah ada kesilapan besar telah berlaku. OK, pemimpin yang sanggup terima teguran secara positif dan bertindak positif atau menghargai jasa, berterima kasih kepada teguran, melayani dengan bahasa yang baik, menggunakan pendekatan berhikmah, lambat laun akan dapat melembutkan hati-hati yang keras. inshaAllah (bunyi kertas).

FH: Haa, untuk soalan terakhir kita. Um, apakah pesanan yang dapat Pak Syeikh sampaikan kepada generasi muda yang kini menetap di Gudang Garam ? (bunyi kertas)

PS: OK, (bunyi kertas) untuk generasi muda yang kini menetap di kampung ini, jika mereka masih bersekolah --- Jika mereka masih bersekolah, tumpukanlah perhatian kepada pelajaran dan jadilah pelajar yang berjaya dengan cemerlang. Sebenarnya, generasi muda, zuriat anak-anak jati kampung ini (bunyi kertas) sudah agak ramai yang mendapat keputusan cemerlang, (bunyi motorsikal) belajar di luar Negara. Malah menjawat jawatan tinggi dan bergaji lumayan. Ramai sini. Ada yang jadi professor pun ada. Jadi professor ada. Aaa, percaya tak [tidak], ada juga generasi daripada anak jati sini satu hari gaji dua ribu lebih, satu hari. Bukan sebulan. Pun ada. Jadi bermakna, anak kampung ni [ini] boleh. Generasi yang lahir, generasi muda ni [ini] boleh buat sebenarnya. Dan setakat yang saya tahu, ada juga yang dah berjaya dalam bidang business (bunyi ayam). [perniagaan] di bandar-bandar besar. Di Cyberjaya. Di Cyberjaya memang ada, memang anak kepada (bunyi ayam).anak jati kampung ini, Gudang Garam. Jadi, itu menjadi antara yang anak kampung ni [ini] yang kita banggakan. Dan sepatutnya mereka ni lah [ini] menjadi contoh teladan yang baik kepada generasi muda. Kena ambil tahu diorang ni [mereka ini], siapa diorang [mereka], apa diorang [mereka] buat dan sebagainya. Dan alangkah baiknya (bunyi ayam). jika kampung ini dapat adakan sesi ramah mesra bermusim. Dan mengundang generasi muda yang berjaya ni [ini] untuk memberikan kata-kata semangat pada generasi yang berikutnya. Bagi (bunyi ayam) golongan muda yang sudah berkeluarga, dan menetap di kampung ni [ini], saya --- Pandangan saya lah, sebaik-baiknya solat berjemaah lah di Masjid Kampung Gudang Garam. Kerana sesungguhnya di situlah bermulanya segala keberkatan (bunyi ayam), kekuatan ukhwah. Dan di situlah terhakisnya segala buruk sangka, dendam atau sebarang tanggapan negatif antara satu sama lain (bunyi ayam). Jadi, maksud saya tu [itu], fokuslah kepada kesatuan ummah. Maka akan berkatlah kampung ni [ini]. inshaAllah. Haa, itu pada pandangan saya (bunyi ayam). Bermula dari penyertaan di masjid itulah, saya harapkanlah. Saya lah, secara peribadi. Saya mengharapkan agar penduduk kampung ni [ini] dengan rela hati dan besar hati menyertai berbagai aktiviti lain di kampung ni [ini] dengan semangat kekitaan yang utuh. (bunyi ayam) Tidak lagi bersikap

nafsi-nafsi atau within bracket [dalam kurungan] la, jangan apa orang kata, jaga tepi kain sendiri sebab kubur pun masing-masing. Rasa saya yang ni [ini], bukan semata harapan kita untuk kampung ini. (bunyi ayam) Sebenarnya harapan kita untuk masyarakat kita keseluruhannya. Sebab apa yang kita lihat sekarang ni [ini], kebanyakannya (bunyi kertas) orang terlalu sibuk untuk get involve [melibatkan diri] dengan kegiatan-kegiatan sosial bersama-sama. Hidup bermasyarakat ya. Untuk menjayakan berbagai aktiviti bersama-sama supaya hidup kita rasa lebih seronok (bunyi ayam). Lebih seronok, kita pun dapat tahu cerita-cerita yang terbaru di kampung. Kalau ada yang bermasalah pun, (bunyi jam elektronik berdetik) kita cepat dapat bantu sebab kita tahu ceritanya. Kan. Biasalah kalau kita tengok di kampung ni [ini] kan, hmm sebab diorang [mereka] ini sedara mara [saudara mara] ja [sahaja] masing-masing. Bukan orang lain. Jadi, oleh kerana memang dah [sudah] sedara mara (bunyi kertas) [saudara mara], kadang-kadang tu [itu] dia (gugup), (bunyi ayam) dia tak [tidak] pedulikan lah kan. Itulah harapan saya, maknanya kita harapkan umm benda ni [ini] berlaku (bunyi kertas) dua hala ya maknanya. Jangan harapkan pemimpin saja [sahaja] berubah. (batuk) Penduduk sendiri pun, patut berubah juga kearah kebaikan kan. (bunyi ayam) Sebagai makluman lah, sebagai makluman. Saya sendiri sekarang ni [ini] tidak duduk di kampung ni [ini]. Tidak duduk di kampung ini. Saya duduk di kampung sebelah. saya sudah ada rumah disana. Tapi saya ambil tahu lah apa yang berlaku di kampung ini. Dan bercampur, berkawan dengan penduduk kampung, anak-anak jati bukan orang lain dengan saya. Semuanya sedara mara [saudara mara] saya je [sahaja] Jadi, kalau boleh la (berfikir), kampung ini dapat menjadi kampung contoh (bunyi ayam) sebahagian kampung-kampung lain yang kita tengok memang (gugup), dari segi kerjasama dan aktiviti sebagai ni [ini] memang aktif. Dan mereka bersemangat nak [hendak] buat. Pada saya jugak [juga] yang patut bergerak ni [ini], sekarang ni [ini] adalah kumpulan muda. Bukannya kumpulan yang dah [sudah], apa orang kata. kumpulan emas ni [ini] apa? Warga emas. Bukan kumpulan warga emas. Sebab kumpulan warga emas ni [ini] kita dah tak [tidak] boleh harapkan lagi dah [sudah] .Haa macam itu. Dia bersama, dia menyertai tapi bukannya sebagai yang ke depan lah. Yang ke depan biarlah golongan yang lebih muda. Contoh dalam lingkungan tiga puluh (30), empat puluh (40) tahun begitu. Itu yang paling cergas maknanya. Dan biasanya produktiviti pun yang paling tinggi, yang dalam kalangan umur tiga puluh (30)

tahun, empat puluh (40) tahun macam tu [itu]. Okey, jadi itu saja yang saya --- harapan saya lah dari Kampung Gudang Garam. Assalammualaikum warrahmatullahitaala wabarakatuh.

FI : Demikian tadi wawancara mengenai Kampung Gudang Garam bersama Encik Haji Seth Bin Hj Mohd Yusof yang merupakan penduduk asal kampung Gudang Garam. Kami pelajar dari Ijazah Sarjana Muda Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Johor, mengucapkan jutaan terima kasih diatas kesudian Encik Haji Seth dalam memberikan maklumat serta berkongsi ilmu tentang sejarah dan maklumat kampung. Semoga hasil rakaman ini akan memberi manfaat kepada pendengar dan penyelidik serta generasi yang akan datang. Kami sudahi rakaman ini dengan ucapan ribuan terima kasih. TAMAT.

LOG
WAWANCARA

6.0 LOG WAWANCARA

Masa	Perkara	Maklumat
00.31	Memperkenalkan diri	Farah Nur Izzaty Nor Farah Hanim Farhiz
00.51	Nama orang sumber	Haji Mohd Seth Bin Mohd Yusof
01.04	Nama singkatan	Pak Syeikh
01.24	Umur	59 Tahun
01.32	Tahun kelahiran	17 Mei 1958
01.44	Tempat kelahiran	Kampung Gudang Garam Kampung Tanjung Melintang
02.22	Nama isteri	Hajah Hamidah Binti Abdul Aziz
02.33	Umur Isteri	Sebaya 59 Tahun
02.50	Kerjaya isteri	Guru Besar Bersara
03.04	Asal-usul isteri	Johor Baharu Batu pahat
03.23	Tahun perkahwinan	1982
03.40	Bilangan cahaya mata	3 orang

WAWANCARA BERSAMA ENCIK HAJI MOHD SETH BIN MOHD YUSOF

		2 lelaki, 1 perempuan
04.12	Perkerjaan cahaya mata	Bekerja Melbourne Tidak bekerja Kuala Lumpur
04.49	Nama ibubapa	Hajah Halimah Binti Haji Osman Mohd Yusof Bin Arshad
05.27	Asal-usul ibubapa	Kampung Gudang Garam Kampung Batu Mentaus Segamat
06.51	Nama datuk dan nenek	Arshad Bin Haji Ahmad (sebelah bapa) Zainab Bint Acil (sebelah bapa) Haji Musa @ Wan Mahad Hajah Senod Binti Haji (ibu datuk sebelah emak)
08.33	Darah Campuran (keturunan)	Bugis Minang Arab
12.12	Keadaan asal Kampung Gudang Garam	Jalan tanah merah Batu kerikir

WAWANCARA BERSAMA ENCIK HAJI MOHD SETH BIN MOHD YUSOF

		Bekalan air pada tahun 1969
15.26	Kerjaya	<p>Pesara</p> <p>Fasilitator</p> <p>Motivator</p> <p>Majlis Amanah Rakyat</p> <p>Berkebun</p>
37.40	Pendidikan	<p>Sekolah Kebangsaan Temenggong Abdul Rahman</p> <p>Sekolah Tinggi Segamat</p> <p>ITM</p> <p>School of Public Administration and Law</p> <p>UKM Sarjana Muda Kepujian Pentadbiran Perniagaan</p>
47.23	Sejarah awal Gudang Garam	<p>Kampung Semak Rantau</p> <p>Kampung Tanjung Melintang</p> <p>Kampung Tenang</p> <p>Tok Kecut</p> <p>Tok Mat Arif</p> <p>Tok Mera</p>
1:14:29	Specific Tok Tenang	Syed Mohamad Kamarul Arifin Bin

WAWANCARA BERSAMA ENCIK HAJI MOHD SETH BIN MOHD YUSOF

		Syed Alahuddin Pagar Ruyung
1:18:56	Individu awal yang menjumpai gaung	Pemburu binatang
1:25:59	Specific Malim Deman	Anakanda kepada Tuanku Malim Dewa Raja di daerah Segamat
1:28:34	Lagenda seekor naga	Pemburu bangsa Cina Naga Paya Berombak Pokok pulai Ensel rumah penduduk kampung bergetar
1:36:08	Kegiatan ekonomi utama Penduduk Kampung Gudang Garam	Berkebun Menoreh getah Menanam sayur Petani
1:42:16	Sumbangan daripada mana-mana pihak	Rumah PPRT OKU Wakil rakyat Adun
1:46:36	Adat resam penduduk Kampung Gudang Garam	Adat Temenggong Johor

WAWANCARA BERSAMA ENCIK HAJI MOHD SETH BIN MOHD YUSOF

1:47:22	Bangsa dan agama penduduk Kampung Gudang Garam	Melayu dari etnik Bugis, Minang Jawa
1:54:57	Acara tahunan penduduk Kampung Gudang Garam	Majlis Maulidur Rasul Majlis Khatam Quran Majlis Korban
1:55:24	Keunikan Kampung Gudang Garam	Bidang seni Membentuk hulu dan sarung golok berkualiti tinggi Mengukir Seni lukis
1:57:32	Harapan untuk kampung dimasa hadapan	Amanah untuk mentadbir kampung Melaksanakan tugas dengan sebaik- baiknya Tidak memilih bulu Ambil berat perkembangan Bersemangat untuk memajukan kampung

KRONOLOGI

7.0 KRONOLOGI

No	Tarikh dan masa	Aktiviti	Orang yang terlibat
1.	5/10/2017 11.40 am	Membentuk ahli kumpulan seramai 2 orang: 1. Farah Nur Izzaty Biti Zaidi 2. Nor Farah Hanim Binti Ahmad Farhiz	Farah Izzaty dan Farah Hanim
2.	15/10/17 1.00 pm	Menentukan RP seramai 2 orang: 1. Encik Norhisham Bin Md Nor 2. Encik Haji Mohd Seth Bin Yusof	Farah Izzaty dan Farah Hanim
3.	2/11/17 11.15 am	Berjumpa dengan penasihat bagi pengesahan RP sama ada boleh diteruskan atau tidak. Salah seorang RP telah ditolak kerana kekurangan informasi.	Encik Zul-Azmi, Farah Izzaty dan Farah Hanim
4.	11/11/17 10.32 am	Menghubungi RP untuk temuramah awal.	Farah Izzaty
5.	12/11/17 11.00 am	Temuramah awal telah berlangsung di Kedai makan Rohaya.	Farah Izzaty dan Farah Hanim
6.	15/11/17 4.00 pm	Proses temuramah awal telah berjalan dengan lancar di Kedai makan Rohaya. Beliau masih berada dalam keadaan sihat dan masih boleh mengingati akan perkara-perkara penting yang melibatkan pengalaman beliau dan sejarah kampung. Beliau juga telah bersetuju untuk ditemuramah oleh kami.	Haji Seth, Farah Izzaty dan Farah Hanim
7.	29/11/19 5.00 pm	Perjumpaan kali kedua bersama Encik Haji Seth untuk memberikan soalan temubual dan sedikit penerangan mengenai proses temubual yang akan berlangsung	Haji Seth, Farah Izzaty dan Farah Hanim

WAWANCARA BERSAMA ENCIK HAJI MOHD SETH BIN MOHD YUSOF

		kemudiannya.	
8.	30/11/217 11.15 am	Selepas itu, perjumpaan diadakan bersama penasihat untuk meminta pandangan dan nasihat dalam menyediakan soalan yang terbaik untuk temuramah yang sebenar bersama RP	Encik Zul – Azmi, Farah Izzaty dan Farah Hanim
9.	4/12/17 11.00 am	Kami berjumpa dengan penasihat supaya beliau dapat memeriksa soalan yang akan kami ajukan semasa temuramah bersama RP nanti. Penasihat juga memeriksa pembetulan soalan temuramah yang telah dibetulkan: 1. Soalan Orientasi 2. Soalan General 3. Soalan Spesifik Perjumaan bersama penasihat ini berlangsung di kelas.	Encik Zul – Azmi, Farah Izzaty dan Farah Hanim
10..	5/12/17 1.33 pm	Menghubugi RP untk menetapkan tarikh dan masa bagi temuramah sebenar dijalankan.	Farah Izzaty
11.	7/12/17 9.00 am	Temuramah yang sebenar telah diadakan di Masjid Kampung Gudang Garam pada jam 9 pagi.	Haji Seth, Farah Izzaty, dan Farah Hanim
12.	8/12/17 10.00 am	Membuat transkrip	Farah Izzaty dan Farah Hanim
13.	12/12/17 8.30 am	Membuat log temubual	Farah Izzaty dan Farah Hanim
14.	17/12/17 2.00 pm	Membuat hard cover transkrip	Farah Izzaty dan Farah Hanim

WAWANCARA BERSAMA ENCIK HAJI MOHD SETH BIN MOHD YUSOF

15.	21/12/17 11.00 am	Menghantar transkrip kepada pensyarah	Encik Zul – Azmi, Farah Izzaty dan Farah Hanim
-----	----------------------	---------------------------------------	--

**BIODATA
PENGKISAH**

8.0 BIODATA PENGKISAH



Nama : Encik Mohd Haji Seth Bin Mohd Yusof

Umur : 59 Tahun

Asal : Kampung Gudang Garam, Segamat Johor

Alamat : No.7, Jalan Temenggong, Taman Sri Temenggong, 85000
Segamat Johor.

Isteri : Hajah Hamidah Binti Abdul Aziz

Anak-Anak : Shad Faizuli Bin Mohd Seth, Syamimi Farhana Binti Mohd Seth,
Mohd Shafiq Fayyadh Bin Mohd Seth.

Adik-beradik : 8 adik-beradik.

Jawatan sekarang : Pesara

SENARAI SOALAN

9.0 SENARAI SOALAN

1. Siapakah nama penuh encik ?
2. Apakah nama gelaran encik yang boleh saya gunakan?
3. Berapakah umur Pak Syeikh sekarang?
4. Pada tahun bilakah Pak Syeikh dilahirkan?
5. Dimanakah tempat asal kelahiran Pak Syeikh?
6. Siapakah nama isteri Pak Syeikh?
7. Berapakah umur isteri Pak Syeikh?
8. Apakah kerjaya isteri Pak Syeikh?
9. Adakah isteri Pak Syeikh juga berasal daripada Kampung Gudang Garam?
10. Pada tahun bilakah Pak Syeikh mendirikan rumah tangga bersama isteri Pak Syeikh?
11. Berapakah bilangan cahaya mata Pak Syeikh?
12. Adakah mereka masih belajar ataupun sudah bekerjaya?
13. Siapakah nama ibu dan bapa Pak Syeikh?
14. Darimanakah asal usul kedua ibu bapa Pak Syeikh?
15. Adakah kedua ibu bapa Pak Syeikh juga merupakan penduduk asal Kampung Gudang Garam?
16. Siapakah nama datuk dan nenek Pak Syeikh?
17. Adakah datuk dan nenek Pak Seth juga merupakan anak jati Kampung Gudang Garam?
18. Adakah Pak Syeikh mempunyai darah campuran?
19. Berapakah bilangan adik-beradik Pak Syeikh?
20. Adakah Pak Syeikh merupakan anak jati Kampung Gudang Garam?
21. Berapa lamakah Pak Syeikh telah menetap di Kampung Gudang Garam?
22. Bagaimanakah keadaan Kampung Gudang Garam ketika dahulu?
23. Apakah status pekerjaan Pak Syeikh pada ketika ini?
24. Apakah kerjaya sebenar Pak Syeikh pada ketika ini?
25. Bagaimanakah Pak Syeikh boleh mula menceburi bidang penulisan?
26. Apakah tajuk karya pertama Pak Syeikh?
27. Apakah antara koleksi penulisan Pak Syeikh?
28. Apakah genre yang selalunya menjadi pilihan penulisan Pak Syeikh?

29. Mengapakah sesetengah buku penulisan Pak Syeikh di batalkan oleh kerajaan?
30. Apakah nama pena Pak Syeikh?
31. Apakah sumber ilham Pak Syeikh dalam memperoleh nama pena tersebut?
32. Darimanakah Pak Syeikh mendapat sumber inspirasi dalam setiap penulisan Pak Syeikh?
33. Boleh Pak Syeikh ceritakan serba sedikit tentang latar belakang pendidikan Pak Syeikh dari peringkat sekolah hingga ke peringkat universiti?
34. Apakah pekerjaan pertama yang dilakukan oleh Pak Syeikh selepas tamat tempoh pembelajaran?
35. Adakah Pak Syeikh pernah melibatkan diri dalam sebarang kegiatan sosial?
36. Apakah sejarah kewujudan awal Kampung Gudang Garam?
37. Bagaimanakah Kampung Gudang Garam mendapat nama?
38. Sejak tahun berapakah Kampung Gudang Garam ini sudah mula dihuni?
39. Berapakah jumlah penempatan ataupun penduduk kampung pada awal pembukaan kawasan Gudang Garam?
40. Adakah wujud perkampungan lain dalam kawasan Gudang Garam ini?
41. Bagaimanakah boleh wujudnya perkampungan yang berbeza dalam kawasan Gudang Garam?
42. Bagaimanakah Pak Syeikh boleh mengetahui perkara mengenai kampung ini?
43. Adakah kampung ini pernah menjadi mana-mana jajahan takluk?
44. Siapakah penduduk asal yang mula menetap di Kampung Gudang Garam?
45. Bagaimanakah mereka boleh mula menetap di Kampung Gudang Garam ?
46. Apakah alasan dan sebab mereka berpindah atau berhijrah ke Kampung Gudang Garam?
47. Siapakah Tok Tenang dan apakah nama sebenar Tok Tenang?
48. Darimanakah asal Tok Tenang ?
49. Apakah kaitan Tok Tenang dengan kewujudan Kampung Gudang Garam?
50. Adakah Tok Tenang mempunyai pengikutnya yang tersendiri semasa beliau datang ke Kampung Gudang Garam?
51. Dimanakah lokasi gaung yang dipanggil Gudang Garam ?
52. Adakah gaung tersebut masih wujud sehingga sekarang?
53. Siapakah individu terawal yang mula menjumpai gaung tersebut?
54. Adakah wujud sebarang cerita mistik atau tahyul semasa kampung ini dibuka ?

55. Apakah kegiatan ekonomi yang dilakukan oleh kebanyakan penduduk Kampung Gudang Garam pada ketika itu?
56. Benarkah kampung ini dahulunya merupakan salah satu tempat perlabuhan terbesar dalam kalangan para pedagang asing?
57. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan sungai di kampung tersebut boleh menjadi perlabuhan?
58. Siapakah individu yang bernama Malim Deman sebenarnya?
59. Benarkah perlabuhan tersebut dikaitkan dengan individu yang bernama Malim Deman?
60. Benarkah mitos yang mengatakan beliau memiliki kuasa ghaib yang luar biasa ?
61. Bagaimana pula tentang lagenda seekor naga yang telah menjadikan paya bakau di perlabuhan tersebut sebagai tempat persembunyiannya?
62. Siapakah ketua Kampung Gudang Garam pada ketika ini?
63. Apakah antara perubahan yang dapat Pak Syeikh perhatikan semenjak Pak Syeikh membesar dan menetap di Kampung Gudang Garam ini?
64. Boleh Pak Syeikh nyatakan perubahan manakah yang paling memberi impak kepada Pak Syeikh?
65. Apakah yang dapat Pak Syeik nilaikan mengenai perubahan dari aspek pola penempatan di Kampung Gudang Garam?
66. Apakah kegiatan ekonomi utama Penduduk Kampung Gudang Garam ketika ini?
67. Berapakah jumlah penempatan Kampung Gudang Garam pada masa kini?
68. Boleh Pak Syeikh anggarkan berapakah keluasan Kampung Gudang Garam?
69. Adakah kampung ini juga pernah dilanda banjir ataupun sebarang bencana alam yang lain?
70. Adakah penduduk di sini pernah menerima apa-apa sumbangan dari mana-mana pihak yang bertanggungjawab?
71. Selain dari masjid, adakah wujud kemudahan lain seperti balairaya atau perpustakaan mini di Kampung Gudang Garam ini?
72. Adakah wujud sebarang kegiatan Industri Kecil Sederhana (IKS) dalam kampung ini?
73. Wujudkah institusi pendidikan seperti sekolah atau tadika dalam kampung ini?
74. Bagaimanakah hubungan sesama penduduk kampung di ini?
75. Adakah kampung ini mempunyai adat-adat resam tersendiri?
76. Apakah majoriti bangsa dan agama yang dianut oleh penduduk di sini?

77. Apakah aktiviti-aktiviti yang sering dilakukan oleh penduduk kampung?
78. Adakah penduduk di sini aktif dalam melibatkan diri dalam sebarang aktiviti kemasyarakatan?
79. Boleh pak cik jelaskan dengan lebih terperinci tentang adat resam di kampung ini?
80. Adakah penduduk di kampung ini sering melakukan aktiviti bersama-sama misalnya seperti bergotong-royong?
81. Adakah kampung ini pernah menyertai apa-apa pertandingan seperti Pertandingan kampung bersejarah, kampung tercantik ataupun, kampung terbersih?
82. Adakah terdapat sebarang makanan tradisional yang istimewa dikeluarkan ataupun menjadi identiti di kampung ini?
83. Adakah diadakan apa-apa acara tahunan di kampung ini ?
84. Apakah keunikan Kampung Gudang Garam yang dapat Pak Syeikh lihat sendiri di mata Pak Syeikh?
85. Apakah harapan pak syeikh untuk kampung ini di masa hadapan?
86. Apakah kata-kata semangat yang boleh diberikan kepada penduduk kampung bagi meningkatkan kemajuan dan perpaduan kampung?
87. Apakah pesanan yang dapat Pak Syeikh sampaikan kepada generasi muda yang kini menetap di Gudang Garam ?

RALAT

10.0 RALAT

Ketika temubual ini dijalankan terdapat beberapa jenis ralat yang tidak dapat dielakkan. Berikut adalah beberapa jenis ralat yang telah dirakamkan secara tidak langsung.

- Bunyi ayam
- Bunyi burung
- Bunyi kertas
- Bunyi penghawa dingin
- Bunyi bernafas
- Bunyi menulis
- Bunyi tembakan
- Bunyi ketawa
- Bunyi telefon bergerak
- Bunyi cicak
- Bunyi motosikal
- Bunyi jam elektronik berdetik
- Bunyi sendawa

Walau bagaimanapun, temubual kami bersama Encik Haji Mohd Seth Bin Mohd Yusof berjalan dengan lancar serta jayanya. Ralat tersebut tidak mengganggu kerana suara Encik Mohd Haji Seth masih boleh didengari.

RUMUSAN

11.0 RUMUSAN

Kampung Gudang Garam merupakan sebuah kampung yang merangkumi sebahagian kawasan di Kampung Tanjung Melintang. Kawasan kampung ini lebih dikenali umum sebagai Kampung Gudang Garam atau Gemereh satu. Gemereh satu adalah sebuah kawasan yang menggabungkan tiga kampung berbeza iaitu Kampung Gudang Garam, Kampung Tanjung Melintang, dan Kampung Semak Rantau. Penceritaan sejarah mengenai kampung ini bermula daripada keunikan nama kampung ini sendiri iaitu Kampung Gudang Garam. Secara teori yang dianalisis mengikut logik terhadap nama kampung itu sendiri, ia jelas mempamerkan kewujudan sebuah gudang di dalam kampung tersebut pada suatu masa dahulu. Mitos menyatakan bahawa suatu masa dahulu wujud sebuah gudang yang menyimpan garam hasil daripada kapal atau perahu yang berlabuh di pelabuhan yang berhampiran di kawasan tersebut. Akibat aktiviti pengumpulan garam di situ, berlaku mendapan garam di atas tanah kawasan tersebut hingga menyebabkan tanah di kawasan itu menjadi masin.

Terbitnya nama Gudang Garam itu apabila sekumpulan pemburu melihat satu situasi yang aneh di kawasan tersebut setelah ketiadaan gudang itu. Mitos menceritakan bahawa sekumpulan pemburu telah keluar berjalan-jalan di kawasan Gudang Garam untuk memburu. Ketika itu, mereka menjumpai sekumpulan binatang sedang menjilat tanah di kawasan tersebut. Setelah itu, mereka mendekati kawasan tersebut dan merasai tanah itu sendiri. Akibat rasa masin yang di tanah tersebut dan wujudnya sebuah bangunan yang hampir menyerupai sebuah gudang, maka kampung itu mula di gelar Kampung Gudang Garam hingga ke hari ini.

Selain itu, sejarah kampung ini juga dikaitkan dengan seorang individu yang bernama Tok Tenang. Tok Tenang atau nama sebenarnya Syed Mohamad Kamarul Arifin Bin Syed Alahuddin turut digelar Tok Mat Arif. Beliau adalah seorang bangsawan dan juga seorang ahli ulama dari Pagar Ruyung Sumatera Barat. Beliau merupakan salah seorang individu yang membuka Kampung Tenang iaitu sebuah kampung yang berbeza daripada Kampung Gudang Garam. Namun, berlaku suatu peristiwa yang menyebabkan penghuninya kemudian berpindah dan menetap di Kampung Gudang Garam.

Kemudian, isu sejarah Kampung Gudang Garam ini juga telah dikaitkan dengan salah seorang lagi individu yang bernama Tok Mera. Tok Mera dikatakan sebagai seorang wanita yang berketurunan bangsawan dan hidup dalam penuh misteri. Hal ini kerana, beliau dikatakan menetap sebatang kara di kawasan Kampung Tanjung Melintang. Kampung Tanjung Melintang adalah sebuah kampung kampung yang dikatakan wujud jauh lebih awal dari Kampung Gudang Garam. Walau bagaimanapun, terdapat sumber yang menyatakan bahawa sebelum beliau menetap di Kampung Tanjung Melintang, beliau juga pernah singgah dan menetap seketika di Kampung Gudang Garam. Kejadian ini yang menimbulkan sedikit kekeliruan terhadap para pengkaji.

Individu seterusnya yang dikaitkan dengan Kampung Gudang Garam ialah Malim Deman. Malim Deman adalah seorang raja iaitu anakanda kepada Tuanku Malim Dewa yang dikatakan memerintah Muar. Tuanku Malim Deman dikatakan telah menjadi raja di sebuah daerah yang kini dikenali sebagai Segamat. Apabila menyebut mengenai Malim Deman, mitos mengenai sumpahan terhadap Segamat akan mula diperbincangkan. Malim Deman dikatakan telah mengenakan sumpahan yang besar terhadap Segamat. Sumpahan yang dinyatakan oleh Malim Deman ialah, Segamat akan mengalami banjir yang besar pada setiap tahun. Namun, merujuk kepada penjelasan geografi, keadaan tersebut berlaku disebabkan oleh faktor muka bumi di kawasan Segamat itu sendiri. Walau bagaimanapun, berdasarkan hasil wawancara yang telah dijalankan, didapati bahawa kawasan Kampung Gudang Garam itu sendiri tidak pernah mengalami masalah banjir melainkan hanya terputus hubungan dengan kawasan luar ketika banjir berlaku. Kedudukan geografi Kampung Gudang Garam, iaitu di kawasan bukit atau di kawasan yang lebih tinggi dari paras air menyebabkan kampung ini selamat dari sebarang isu banjir.

SENARAI RUJUKAN

12.0 SENARAI RUJUKAN

Drs. Ungku Mohd Zaman Tahir. (1996). Segamat sejarah dan mitos. Kelantan: Al-Ka Filah Enterprise.

Encik Mohd Haji Seth Bin Yusof, Temubual sejarah Kampung Gudang Garam, 7 Disember, 2017.

Encik Norhisham Bin Md Nor, Temubual sejarah Kampung Gudang Garam, 7 Disember, 2017.

LAMPIRAN

13.0 LAMPIRAN



Gambar 1: Laluan utama menuju ke Kampung Gudang Garam.



Gambar 2: Masjid Kampung Gudang Garam. Inilah adalah lokasi sesi wawancara dijalankan.



Gambar 3: Pintu utama Masjid Kampung Gudang Garam iaitu lokasi dimana sesi wawancara dijalankan.

INDEKS

14.0 INDEKS

A

Ahli (27, 34, 36, 45, 50, 51, 71)

Akademik (25)

Anakanda (41, 72)

B

Bangsawan (29, 37, 71, 72)

Barat (20, 29, 31, 37, 52, 71)

Binatang (6, 7, 31, 39, 71)

Buas (31)

C

Cergas (57)

D

Daerah (25, 27, 35, 41, 55, 72)

Destinasi (7, 31)

E

Emas (18)

Etnik (50)

Extra terrestrial (18)

F

Faktor (22, 27, 36, 40, 41, 45, 68, 72)

Fasilitator (9, 16, 25)

Fotostat (23)

G

Gaung (7, 30, 31, 38, 39, 40)

Generasi (28, 38, 41, 45, 46, 52, 56, 58,)

Ghaib(42, 68)

H

Hakim (28)

Hantu (18, 19, 45)

Hijrah (28, 33, 36, 37, 67)

Hikayat (41)

Honorarium (23)

I

Identiti (53, 69)

Ilmiah (17, 20, 40)

Infrastuktur (15, 44)

Inspirasi (23, 67)

Intim (23)

J

Jajahan (35, 67)

Jati (1, 12, 13, 14, 19, 28, 29, 32, 46, 49, 51, 53, 54, 55, 56, 57)

Jemaah (50, 51, 56)

Jilat (6, 31, 39, 71)

Jurulatih (9, 16)

K

Kerjaya (10, 16, 19, 23)

Kontemporari (30)

Kronologi (28)

Kuliah (24, 51)

Kursus (9, 18, 20, 21, 25)

L

Lanun (36)

Laris (20, 23)

Lekuk (31)

Leluhur (13, 35)

Lisan (8, 16, 18, 23, 24, 26, 30, 32, 34)

M

Mantan (28)

Masihi (27, 28, 29, 30, 31, 32, 40, 42)

Minimal (15)

Motivator (16, 45)

Mudik (28)

N

Nafsi (57)

Naga (25, 42, 43)

Negeri (25, 31, 35, 47, 50, 51, 55)

O

-

P

Paya (6, 16, 19, 29, 30, 31, 40, 42, 43, 46, 47, 48, 57)

Pemburu (6, 31, 39, 43)

Peneroka (7, 32, 34, 35, 37, 38, 45)

Pesara (16)

Q

-

R

Ramadhan (27, 53)

Rasmi (27, 33)

Rekod (24, 32, 40)

Rimba (28)

Royalti (23)

S

Sosial (27, 49, 57, 67)

Sumber (22, 23, 27, 40)

Susur galur (13, 27, 35, 45)

Syawal (28)

T

Tajau (28)

Takrifan (12, 26)

Tempayan (29)

Tokoh (28, 37)

Tradisional (20, 53)

U

Ulama (28, 37, 71)

Unik (30, 50, 53, 54)

V

Versi (17, 24, 25, 29, 30, 31, 36, 37, 41, 42, 67)

Viral (32)

W

Wali (38)

Warga (37, 57)

Waris (29, 37, 46)

Wawancara (8, 27, 36, 41, 58)

Wujud (6, 7, 27, 28, 29, 32, 33, 34, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 46, 48, 49, 50, 67, 68, 71, 72)

X

-

Y

Yakni (31, 40)

Yasin (50, 51)

Z

Zaman (6, 7, 19, 28, 30, 31, 38, 39, 40, 42, 43)

Zuriat (20, 56)